


SMART TARGET SEJARAH



2023

RAMALAN SPM



SMART SEJARAH

PECUTAN BERFOKUS TOPIK PILIHAN KERTAS 2 SPM 2023

SMK CONVENT SENTUL KL



Smart Target SPM Tingkatan Empat

Tajuk	Bab	Fokus/Sub Topik	Bilangan Soalan
9	1	<ul style="list-style-type: none">Keunggulan Undang-undangPeranan Pemerintah dan Rakyat	2
	2	<ul style="list-style-type: none">Perkembangan Idea Nasionalisme BaratFaktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme	
10	3	<ul style="list-style-type: none">Perang Dunia Kedua	1
	4	<ul style="list-style-type: none">Penyerahan Sarawak dan Sabah kepada British	
	5	<ul style="list-style-type: none">Persekutuan Tanah Melayu 1948	
	6	<ul style="list-style-type: none">Usaha menangani komunis dan kesan zaman darurat terhadap negara kita	
11	7	<ul style="list-style-type: none">Sistem AhliJHAK (CLC)	2
	8	<ul style="list-style-type: none">Pilihan Raya MPP 1955/Kabinet Pertama	
	9	<ul style="list-style-type: none">Langkah Penggubalan PTM dan Perjanjian PTM 1957	
	10	<ul style="list-style-type: none">Maksud kemerdekaan / Persediaan/ Kesan	
Jumlah Soalan			4 @ 5 soalan



SMART SEJARAH

PECUTAN BERFOKUS TOPIK PILIHAN KERTAS 2 SPM 2023

SMK CONVENT SENTUL KL



Smart Target SPM Tingkatan Lima

Tajuk	Bab	Fokus / Sub Topik	Bilangan Soalan
12	1	<ul style="list-style-type: none"> Jenis kedaulatan dan ciri-ciri 	2
	2	<ul style="list-style-type: none"> Ciri-ciri dan pindaan perlembagaan 	
	3	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Raja-raja dan YDPA 	
	4	<ul style="list-style-type: none"> Latar Belakang Sistem Persekutuan 	
13	5	<ul style="list-style-type: none"> Perkembangan Idea dan Usaha Pembentukan Langkah Pembentukan Konfrontasi dan Usaha Mengatasi 	1
	6	<ul style="list-style-type: none"> Isu pembangunan dan sosioekonomi Tragedi Hubungan Kaum 	
14	7	<ul style="list-style-type: none"> BM sebagai bahasa ilmu dan perpaduan Dasar Kebudayaan Kebangsaan Rukun Negara 	1
	8	<ul style="list-style-type: none"> Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional 	
15	9	<ul style="list-style-type: none"> ASEAN Cabaran Mengukuhkan Dasar Luar 	1
	10	<ul style="list-style-type: none"> Isu Kemanusiaan Usaha Mengekalkan Kelestarian Global 	
Jumlah Soalan			4 @ 5 soalan

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 9	Nasionalisme Di Malaysia Sebelum Perang Dunia Kedua
S.K	9.1 Warisan Negara Bangsa
S.P	1.1 Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat
S.P	1.4 Peranan Pemerintah dan Rakyat

1. Jadual berikut berkaitan kerajaan yang telah menerima ciri-ciri negara bangsa daripada kerajaan Alam Melayu.

Masa	Kerajaan
Abad ke-7	Kerajaan Srivijaya
Abad ke-15	Kerajaan Johor
Abad ke-16	Kerajaan Johor-Riau

- (a) Nyatakan ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu tersebut?

Ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu ialah kerajaan Alam Melayu mempunyai **raja** yang menjadi **tunggak utama** kerajaan. Selain itu, kerajaan Alam Melayu mempunyai **undang-undang** bagi memastikan **kesejahteraan** kerajaan. Contohnya, **Kutara Munawa**

[2 markah]

- (b) Hubungan timbal balik antara pemerintah dan rakyat telah mengukuhkan negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

Nyatakan peranan golongan berikut:

- (i) Peranan pemerintah

Peranan Sultan dan pembesar ialah sultan **menaungi keselamatan** rakyat dan **memperkenalkan undang-undang** bagi mengawal rakyat. Manakala, peranan pembesar pula **memelihara keamanan** dan **menjadi perantara** antara sultan dengan rakyat.

[2 markah]

- (ii) Peranan rakyat

Peranan rakyat ialah rakyat **taat setia** kepada pemerintah dan mereka akan **patuh** segala arahan serta mereka **tidak akan menderhaka**. Selain itu, rakyat akan **menjadi tentera** dan **hadiri majlis umum**.

[2 markah]

- (c) Mengapakah hubungan baik antara pemerintah dan rakyat dalam sesebuah negara perlu dipertahankan?

Hubungan pemerintah dan rakyat perlu dipertahankan kerana hubungan baik akan **menjamin kesejahteraan** sesebuah kerajaan. Hal ini kerana rakyat akan **patuh** kepada pemerintah dan pemerintah pula akan **menjaga kebajikan** rakyat. Kesannya, **pemberontakan** daripada rakyat dapat dielakkan. Ini akan **menjamin kedaulatan** sesebuah kerajaan.

[4 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 9	Nasionalisme Di Malaysia Sebelum Perang Dunia Kedua
S.K	9.1 Warisan Negara Bangsa
S.P	1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

2. Keunggulan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dapat dilihat dalam sistem perundangan dan pentadbiran.

(a) Nyatakan dua jawatan dalam Sistem Pembesar Berempat?
Jawatan Pembesar Berempat ialah **Bendahara**. Selain itu, **Temenggung**. Seterusnya, **Penghulu Bendahari** dan **Laksamana**.
[2 markah]

(b) Kerajaan Melayu Melaka mengamalkan undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.

Apakah kandungan undang-undang tersebut?

Kandungan undang-undang tersebut ialah Hukum Kanun Melaka(HKM) mengandungi **perkara jenayah** dan **peranan sultan** . Selain itu, HKM mengandungi **perkara kekeluargaan**. Selain itu, Undang-undang Laut Melaka (UULM) pula , mengandungi **perkara jenayah di atas kapal** dan **peranan nakhoda**. Selain itu, UULM mengandungi **perkara berkaitan pelayaran**.

[4 markah]

(c) Jelaskan kepentingan perkara-perkara berikut kepada sesebuah negara?

- Undang-undang yang adil
- Sistem pentadbiran tersusun dan sistematik

Kepentingan undang-undang yang adil dan sistem pentadbiran tersusun ialah sesebuah kerajaan akan menjadi sebuah **kerajaan yang unggul** . Hal ini kerana **pentadbiran negara akan menjadi lancar** dan **keselamatan rakyat turut terjamin**. Contohnya, **kerajaan Melayu Melaka menjadi sebuah pusat perdagangan yang unggul** di Alam Melayu. Oleh itu, **kecekapan pentadbiran dan keadilan undang-undang akan membolehkan imej sesebuah negara akan dikenali** di seluruh pelusuk dunia.

[4 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 9	Nasionalisme Di Malaysia Sebelum Perang Dunia Kedua
S.K	9.2 Nasionalisme
S.P	2.2 Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat

3. Gerakan nasionalisme yang berlaku di negara Barat telah mempengaruhi perkembangan nasionalisme di Asia dan Asia Tenggara.

(a) Apakah maksud nasionalisme?
Maksud nasionalisme ialah **cinta yang mendalam** terhadap bangsa dan negara. Selain itu, nasionalisme merujuk kepada **semangat kebangsaan** dan merupakan satu **gerakan untuk kebebasan politik**.
[2 markah]

(b) Jelaskan faktor teretusnya gerakan nasionalisme berikut:

(i) Revolusi Keagungan
Revolusi Keagungan berlaku kerana keinginan **menegakkan kedaulatan parlimen** dan **hak asasi rakyat**. Selain itu, revolusi ini berlaku kerana tindakan Raja James II yang **membelakangkan parlimen**. Kesannya, **ahli parlimen bangkit menentang raja berkuasa mutlak** dan **mendapat sokongan daripada Mary II** dan suaminya. Oleh itu, **Raja James II telah lari** ke Perancis.
[2 markah]

(ii) Revolusi Amerika
Revolusi Amerika berlaku kerana **penentangan rakyat Amerika** terhadap British. Hal ini kerana British **tidak melindungi hak** orang Amerika. Selain itu, rakyat Amerika **membantah akta** untuk **memungut cukai** seperti **Akta Teh**. Hal ini berlaku apabila rakyat Amerika menyuarakan **slogan ' tiada cukai tanpa perwakilan '** apabila **tiada wakil Amerika dalam Parlimen British**.
[2 markah]

(c) Apakah iktibar yang diperoleh daripada peristiwa revolusi yang berlaku di Barat?
Iktibar yang dapat diperoleh daripada peristiwa revolusi yang berlaku di Barat ialah setiap rakyat perlu **berwaspada terhadap kuasa asing**. Hal ini kerana kuasa asing **mempunyai muslihat** yang tertentu untuk **menjajah negara kita** bagi **kepentingan mereka**. Contohnya, **penjajah British** yang datang ke negara kita bagi **mengeksplotasi sumber kekayaan negara**. Selain itu, setiap **rakyat perlu berkorban demi mempertahankan negara** daripada ancaman luar dengan **menyertai pasukan keselamatan**, Misalnya , menyertai **pasukan Askar Melayu** untuk mempertahankan tanahair yang tercinta.
[4 markah]


SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 9	Nasionalisme Di Malaysia Sebelum Perang Dunia Kedua
S.K	9.2 Nasionalisme
S.P	2.6 Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme

4. Rajah berikut berkaitan dengan faktor kemunculan gerakan nasionalisme pada abad ke-20 di negara kita.



- (a) Nyatakan faktor berikut :

X: **Media Cetak**

Y: **Pengaruh luar dan serantau**

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah faktor penulisan kreatif dan sistem pendidikan dapat menyemarakkan nasionalisme di negara kita?


Faktor penulisan kreatif dapat menyemarakkan nasionalisme di negara kita apabila **hasil kesusasteraan** digunakan untuk **menceritakan penderitaan** hidup pada zaman penjajah melalui **karya novel** yang **ditulis oleh para nasionalis** bagi **menaikkan semangat menentang** penjajah. Misalnya, **novel Melor Kuala Lumpur** . Selain itu, **Pak Sako juga menulis karya** yang **menyindir penjajah**. Manakala, sistem pendidikan dapat menyemarakkan nasionalisme melalui **pendidikan moden Islam** yang **menubuhkan madrasah** bagi **meniup semangat baharu** dalam kalangan pelajar. Contohnya, penubuhan **Madarasah al-Attas** yang menerima idea nasionalisme dari **ulama Kaum Muda Sumatera Barat**.

[4 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



- (c) Perjuangan nasionalis negara luar berikut memberi kesan kepada kesedaran nasionalisme di negara kita.



Mahatma Gandhi



Jose Rizal



Soekarno

Perjuangan nasionalis tersebut telah memberi inspirasi kepada kebangkitan nasionalisme di negara kita.
Beri ulasan anda.

Perjuangan nasionalis tersebut memberi inspirasi kepada kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu apabila **perjuangan Mahatma Gandhi di India** yang menentang British tanpa kekerasan. Beliau telah menggunakan konsep **satyagraha** sebagai pegangan. Selain itu, **perjuangan Jose Rizal di Filipina** menentang penjajahan Sepanyol dengan menuntut Filipina dijadikan sebagai sebahagian daripada wilayah Sepanyol dan mempunyai hak yang sama seperti bangsa Sepanyol. Beliau menjalankan **Gerakan Propaganda** untuk menghapuskan penjajahan asing di Filipina. Seterusnya, **kebangkitan nasionalisme pimpinan Soekarno menentang penjajahan Belanda di Indonesia** dengan cara yang radikal. Perjuangan mereka ini menjadi inspirasi kepada rakyat Tanah Melayu dengan menanamkan kesedaran kebangsaan untuk menentang penjajah British. Oleh itu, rakyat Tanah Melayu menuntut penjajah memberikan hak dan memelihara kepentingan peribumi. Kesannya, perjuangan tokoh tersebut telah memberikan inspirasi kepada perjuangan tanpa kekerasan di negara kita.

[4 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 9	Nasionalisme Di Malaysia Sebelum Perang Dunia Kedua
S.K	9.2 Nasionalisme
S.P	2.6 Faktor Kemunculan Gerakan Nasionalisme

5. Maklumat berikut berkaitan perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu.

Aspek Perkembangan Nasionalisme	
Pertama	Dipelapori golongan intelektual
Kedua	Melalui penulisan oleh golongan guru, penulis dan wartawan
Ketiga	Kewujudan pertubuhan atau persatuan bersifat sosioekonomi

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan nasionalisme?
Nasionalisme bermaksud perasaan **cinta yang mendalam** terhadap bangsa dan negara. Selain itu, nasionalisme diertikan sebagai **sikap perjuangan menentang penjajah** dan **membela nasib bangsa dan negara**. Nasionalisme juga merujuk kepada **membebaskan diri daripada cengkaman penjajah**.

[4 markah]

- (b) Jelaskan peranan golongan intelektual dalam perkembangan nasionalisme pada awal abad ke 20 di negara kita?
Peranan golongan intelektual dalam perkembangan nasionalisme pada awal abad ke-20 ialah **golongan intelektual agama** telah membangkitkan kesedaran melalui **Kesatuan Kaum Muda**. Golongan ini menyalurkan **idea reformis** melalui Gerakan Islah yang menekankan **Islam sebagai asas kemajuan dunia dan akhirat**. Mereka telah **menubuhkan madrasah** untuk menyebarkan fahaman Islah. Selain itu, mereka juga ingin **menyatukan rumpun Melayu dan menggalakkan wanita menuntut ilmu**. Seterusnya, golongan **intelektual Inggeris**. Golongan ini terdiri daripada **anak bangsawan** yang mendapat pendidikan Inggeris. Mereka **menyuarakan hak orang Melayu untuk mendapat pendidikan** dan **menuntut British memperbaiki taraf hidup orang Melayu**

[8 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



- (c) Jika anda seorang pejuang nasionalisme, bagaimanakah anda ingin membangkitkan kesedaran nasionalisme dalam kalangan penduduk tempatan?

Jika saya seorang pejuang nasionalisme, saya ingin membangkitkan kesedaran nasionalisme dalam kalangan penduduk tempatan dengan cara **menubuhkan parti politik** yang akan **memperjuangkan nasib bangsa** dan turut **memelihara hak kaum lain** seperti termakub dalam perlembagaan . Selain itu, saya menuntut kerajaan **meningkatkan taraf pendidikan masyarakat peribumi** dan saya ingin **menyatukan rumpun Melayu dibawah satu kesatuan**. Seterusnya, saya **mengadakan kempen** agar **rakyat sayang kepada tanahair** seperti kempen **Malaysia Madani**.Selanjutnya,saya **menggalakkan perpaduan antara kaum** dengan cara **menubuhkan sekolah satu aliran**.Saya juga menggalakkan **penggunaan bahasa Melayu diperingkat antarabangsa** dan **menggalakkan media massa menayangkan filem berbentuk patriotik** seperti filem **Bukit Kepong** dan **Leftenan Adnan**

Tajuk 10	Perjuangan Rakyat Ke Arah Kemerdekaan Tanah Air
S.K	10.1 Konflik Dunia
S.P	3.1 Latar Belakang Perang Dunia

6. Maklumat berikut berkaitan Perang Dunia Pertama

Tempoh	28 Julai 1914 hingga 11 November 1918				
Lokasi	Eropah, Afrika dan Timur Tengah				
Pihak terlibat	Pihak Bersekutu dan Pihak Kuasa Tengah				
Mangsa Perang Dunia Pertama					
Kuasa Bersekukutu			Kuasa Tengah		
Mati	Cedera	Hilang	Mati	Cedera	Hilang
5,525,000	12,831,500	4,121,000	4,386,000	8,388,000	3,629,000

- (a) Apakah faktor berlakunya perang tersebut?
Faktor berlakunya perang Dunia Pertama kerana **berlakunya persaingan antara kuasa imperialis Barat** untuk meluaskan tanah **jajahan** mereka yang disebabkan **berlakunya Revolusi Industri di Eropah**. Hal ini menyebabkan **mereka berlumba-lumba mendapatkan bekalan bahan mentah** seperti **getah dan bijih timah** . Selain itu, wujudnya **pakatan ketenteraan** seperti **Pakatan Bertiga** dan **Pakatan Kuasa Tengah**.

[6 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



- (b) Apakah kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara yang terlibat? Kesan Perang Dunia terhadap negara yang terlibat ialah wujudnya **Perjanjian Versailles** yang telah **merugikan negara yang kalah** seperti **Jerman yang terpaksa membayar pampasan perang yang tinggi** serta **kehilangan tanah jajahan**. Selain itu, **Jerman juga terpaksa menyerahkan wilayah Rhineland yang kaya dengan bahan mentah kepada Perancis**. Seterusnya, **keruntuhan sistem beraja di Eropah** seperti di **Rusia dan Turki melalui revolusi yang dicetuskan rakyat**.

[6 markah]

- (c) Gambar berikut berkaitan dengan kesan Perang Dunia Pertama.



Merujuk kepada gambar berikut bagaimanakah peperangan ini dapat dielakkan?

Peperangan dapat dielakkan dengan cara kedua-dua pihak yang bertelagah perlu berunding. Hal ini kerana untuk **membentuk perjanjian damai** bagi **mengelakkan jumlah korban yang besar**. Selain itu, **PBB sebagai badan yang menjaga keamanan dunia perlu menjadi orang tengah**. Seterusnya, **rundingan mesti adil kepada kedua-dua pihak yang berperang** dan **mengadakan gencatan senjata sebagai langkah jangka pendek**. Selanjutnya, **PBB perlu menghantar misi pengaman dan pemerhati ke negara yang bergolak**. Di samping itu, **kuasa besar tidak campurtangan dalam negara yang bertelagah**. Akhir sekali, **PBB perlu mengadakan kempen hidup bersama tanpa peperangan** dan **setiap negara perlu mendukung prinsip PBB iaitu 'hidup bersama secara aman'**

[8 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 10	Perjuangan Rakyat Ke Arah Kemerdekaan Tanah Air
S.K	10.1 Konflik Dunia
S.P	3.3 Perang Dunia Kedua

7. Maklumat berikut berkaitan kesan Perang Dunia Kedua.

Perang dunia kedua (1939-1945) merupakan episod paling mengerikan dalam lipatan sejarah umat manusia. Sejarah telah mencatatkan terlalu banyak kerosakan harta benda dan menyebabkan seramai 50 juta jiwa yang telah terkorban. Kawasan yang paling menjadi tumpuan semasa tercetusnya episod berdarah ini ialah medan Atlantik , sekitar Eropah, Pasifik dan juga Asia Timur.

Sumber:Azizan Che Man,
https://www.academia.edu/39948998/Perang_Dunia_Kedua_1939_1945

(a) Jelaskan faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua.

Faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua kerana **kemunculan ideologi baharu** di Eropah disebabkan **wujudnya kemelesetan ekonomi** selepas perang terutamanya di negara Jerman dan Itali. Hal ini berlaku apabila Jerman terpaksa **membayar pampasan perang** yang tinggi menyebabkan **ekonominya merundum** dan **berlaku inflasi**. Oleh itu, wujud **fahaman nasionalis yang melampau** seperti fahaman Nazisme dibawah **pimpinan Adolf Hitler** dan fahaman **Fasisme** di Itali di bawah **pimpinan Mussolini**.

[6 markah]

(b) Bagaimanakah Perang Dunia Kedua di Eropah telah berakhir?

Perang Dunia Kedua di Eropah berakhir apabila wujudnya **kerjasama kuasa besar**. Hal ini berlaku apabila **Amerika mengadakan kerjasama dengan Britain dan Rusia** membentuk Pasukan Tentera Bersekutu. Oleh itu, **tentera laut, udara dan darat diketuai Amerika Syarikat** melaksanakan operasi menentang Jerman dan sekutunya. Selain itu, perang dunia kedua dapat ditamatkan apabila adanya **keberkesanan strategi peperangan**. Hal ini berlaku apabila **kesilapan Pakatan Tentera Paksi yang menyerang Rusia** . Contohnya, Jerman yang **melancarkan Operasi Barbossa** untuk menawan Rusia telah **mengalami kegagalan** akibat **jarak yang jauh** dan **faktor cuaca**. Hal ini menyebabkan **kematian tentera yang tinggi** telah melemahkan motivasi para tentera.

[6 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



(c) Teliti maklumat tersebut.

PERISTIWA pengeboman Hiroshima dan Nagasaki di Jepun 70 tahun lalu masih terpahat di ingatan ramai, terutama kalangan mereka yang turut terkesan dan terpalit dalam kerakusan manusia mengejar kuasa. Malah peristiwa itu membawa pengajaran hebat tentang keburukan penggunaan senjata pemusnah besar-besaran untuk tujuan peperangan. Peristiwa pengeboman Hiroshima dan Nagasaki merupakan antara peristiwa bersejarah menghayat hati yang kita pernah pelajari ketika zaman sekolah.

Sumber: <https://www.astroawani.com/berita-dunia/10-perkara-anda-perlu-tahu-mengenai-pengeboman-hiroshima-dan-nagasaki-690>

Adakah wajar pengeboman bom atom di bandar Nagasaki dan Hiroshima itu dilakukan? Berikan komen anda.

Tidak wajar pengeboman bom atom di bandar Nagasaki dan Hiroshima itu dilakukan oleh pihak Bersekutu. Hal ini kerana pengemboman akan menyebabkan **korban nyawa** yang tinggi dan **kerosakan harta benda**. Selain itu, Jepun **memerlukan kos pembiayaan** yang tinggi untuk **membina semula negaranya**. Hal ini akan menyebabkan Jepun mengalami **kemerosotan ekonomi** dan **berlaku inflasi** dalam negara. Seterusnya, pengeboman bom atom telah menyebabkan **kesan radiasi** yang besar sehingga menyebabkan **kecacatan anggota** dan **mencemarkan alam sekitar** serta **membahayakan semua organisma** hidup. Malah, **geopolitik dunia tidak stabil** dan berlaku **krisis ekonomi dunia**.

[8 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 10	Perjuangan Rakyat Ke Arah Kemerdekaan Tanah Air
S.K	10.3 Era Peralihan Kuasa British di Negara Kita
S.P	4.4 Penyerahan Sarawak kepada British
S.P	4.5 Penyerahan Sabah kepada British

8. Maklumat berikut berkaitan penyerahan Sarawak dan Sabah kepada British.

Tarikh	Peristiwa
1 Julai 1946	Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British
15 Julai 1946	SBUB menyerahkan Sabah kepada British

- (a) Golongan yang menentang penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British telah melakukan pelbagai penentangan. Jelaskan bentuk penentangan tersebut?

Cara penentangan yang dilakukan oleh rakyat Sarawak terhadap penyerahan Sarawak kepada British ialah rakyat Sarawak **mengadakan persidangan** yang **dihadiri perwakilan seluruh Sarawak** dan **meletakkan jawatan beramai-ramai** dalam perkhidmatan kerajaan. Hal ini berlaku berikutan **arahan British yang tidak mahu penjawat awam menyertai gerakan anti-penyerahan**. Kakitangan awam yang meletakkan jawatan termasuklah **guru**. Selain itu, rakyat Sarawak **mengadakan demonstrasi** secara aman yang **melibatkan pemimpin tempatan dan persatuan**. Contohnya, **demonstrasi di bandar Kuching dan Sibul**. Selanjutnya, bantahan juga dilakukan oleh **golongan wanita** seperti **Cikgu Lily Eberwein**.

[6 markah]

- (b) Mengapakah penyerahan Sabah kepada kerajaan British tidak mendapat tentangan penduduk tempatan?

Penyerahan Sabah kepada kerajaan British tidak mendapat tentangan penduduk tempatan kerana tindakan British yang **menindas kegiatan berpersatuan** dengan **menghalang penduduk tempatan menubuhkan persatuan** yang telah **menyukarkan kepelbagaian etnik di Sabah untuk membentuk persatuan**. Selain itu, kegiatan persatuan dapat **disekat dengan cara menukarkan pemimpin** atas kenaikan pangkat dan **memindahkan ahli yang aktif ke bandar yang lain**. Seterusnya, British **mengehadkan penduduk tempatan dalam pentadbiran** yang **menyebabkan penduduk tempatan kurang pengetahuan berkaitan dengan birokrasi barat**.

[6 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



(c) Teliti poster tersebut.



Berdasarkan poster tersebut, adakah wajar Rosli Dhoby mengambil tindakan tersebut? Berikan ulasan anda.

Tindakan tersebut wajar diambil kerana tindakan keluarga Brooke yang **melanggar perjanjian**. Hal ini kerana keluarga Brooke sepatutnya **menyerahkan Sarawak kepada penduduk tempatan** selaras dengan **janjinya dalam Perlembagaan 1941**. Selain itu, keluarga Brooke **mungkir janji** Seterusnya, penyerahan Sarawak **bertentangan dengan Perlembagaan 1941**. Malah, tindakan Rosli Dhoby dan rakan-rakannya amat wajar kerana mereka **mempertahankan tanahair daripada dijajah**. Akhir tindakan Rosli Dhoby itu telah **menyebabkan British lebih berwaspada dalam pentadbiran di Sarawak**.

[8 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 10	Perjuangan Rakyat Ke Arah Kemerdekaan Tanah Air
S.K	10.4 Persekutuan Tanah Melayu 1948
S.P	5.1 Latar Belakang Penubuhan PTM 1948
S.P	5.2 Faktor Penubuhan PTM 1948

9. Persekutuan Tanah Melayu diperkenalkan bagi menggantikan Malayan Union 1946. Sebuah Jawatankuasa Kerja dibentuk bagi merangka Perjanjian PTM.

(a) Apakah cadangan Jawatankuasa Kerja kepada British?

Cadangan Jawatankuasa Kerja ialah penubuhan sebuah Persekutuan yang **menyatukan semua negeri Melayu** dalam satu pentadbiran. Selain itu, **memulihkan semula kuasa Raja-Raja Melayu** dan **menjaga kepentingan orang Melayu dan kaum lain.**

[3 markah]

(b) Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 diperkenalkan?

Persekutuan Tanah Melayu 1948 diperkenalkan kerana **Malayan Union ditentang oleh orang Melayu** dan Raja-Raja Melayu apabila Malayan Union **memberi kesan buruk** kepada orang Melayu. Hal ini kerana jika Malayan Union dilaksanakan akan **berlaku huru-hara** di Tanah Melayu. Selain itu, PTM 1948 diperkenalkan atas **cadangan Raja-Raja Melayu dan UMNO**. Seterusnya, **sokongan pentadbir British** seperti **Sir Edward Gent** yang menyatakan PTM akan **membawa keamanan** kepada Tanah Melayu.

[3 markah]

(c) Jelaskan kepentingan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu kepada pembinaan negara bangsa hari ini.

Kepentingan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu kepada pembinaan negara bangsa hari ini ialah PTM dapat **melincinkan pentadbiran** apabila **sebuah Persekutuan** yang **menggabungkan semua negeri di Malaysia** dibentuk. Hal ini akan **menjadikan sistem pentadbiran lebih sistematik**. Selain itu, PTM telah **mewujudkan sebuah kerajaan pusat yang kukuh dan berdaulat**. Seterusnya, PTM telah **merintis kepada kemerdekaan negara**. Selanjutnya, **hak orang Melayu dijamin dalam perlembgaan** dan **hak kaum lain turut dilindungi oleh undang-undang**.

[4 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 10	Perjuangan Rakyat Ke Arah Kemerdekaan Tanah Air
S.K	10.5 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat
S.P	6.3 Usaha Menangani Ancaman Komunis
S.P	6.4 Kesan Zaman Darurat Terhadap Negara Kita

10. Persidangan Parti Komunis yang diadakan di India telah menyebabkan PKM melancarkan perjuangan bersenjata di Tanah Melayu untuk menubuhkan sebuah negara Republik Komunis.

- (a) Terangkan usaha yang telah dibuat oleh kerajaan dalam menangani ancaman komunis dinegara kita?

Usaha yang telah dibuat oleh kerajaan dalam menangani ancaman komunis di negara kita ialah British telah **mengisytiharkan Undang-Undang Darurat** setelah berlaku **pembunuhan tiga orang pengurus ladang Eropah** di Sungai Siput. Selain itu, British akan **menahan sesiapa yang disyaki terlibat dalam pergerakan komunis** dan **mengetatkan undang-undang penggunaan senjata api**. Selain itu, British akan **mengenakan hukuman berat ke atas sesiapa yang membantu komunis** serta **menangkap pemimpin berhaluan kiri**. Selanjutnya, British akan **menggeledah rumah kediaman** yang disyaki anggota komunis. Usaha lain ialah British **memperkasa pasukan keselamatan** dengan **menubuhkan Polis Cawangan Khas**. Di samping itu, British juga **memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan** dan **kad pengenalan** bagi **mengawal pergerakan penduduk**. British juga **memperkenalkan Rancangan Briggs** bertujuan untuk **memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen** yang **membekalkan makanan, senjata, maklumat dan ubat-ubatan**.

[6 markah]

- (b) Apakah kesan yang ditinggalkan oleh penganas komunis semasa bermaharajalela menguasai Tanah Melayu?

Kesan yang ditinggalkan oleh penganas komunis di Tanah Melayu ialah jumlah **korban nyawa yang tinggi** sama ada pasukan keselamatan dan orang awam. Selain itu, berlaku **kerosakan harta benda** dan **infrastruktur awam** yang tinggi **memerlukan kos pemulihan** yang besar. Seterusnya, **pertumbuhan ekonomi negara terganggu** apabila British terpaksa **membelanjakan lebih \$10 juta sebulan** untuk **membanteras ancaman komunis**. Selanjutnya, **kawasan lombong dan ladang getah banyak musnah** dan **pekerja lombong dan ladang juga ramai cedera dan terbunuh**. Malahan, **kadar inflasi juga tinggi**. Akhir sekali, **proses kemerdekaan negara dipercepatkan** dan **pertambahan warganegara** khususnya kaum imigran apabila **British melonggar syarat kewarganegaraan**.

[6 markah]

SMART TARGET SPM
LAST MINUTES TIPS SEJARAH



- (c) Kegagalan Parti Komunis Malaya (PKM) menguasai Tanah Melayu daripada tangan British merupakan kejayaan semua pihak. Beri komen anda.

Kegagalan PKM menguasai Tanah Melayu daripada tangan British merupakan kejayaan semua pihak . Hal ini kerana **ideologi komunis yang anti agama bertentangan dengan cara hidup orang Melayu**. Selain itu, **tindakan kejam komunis dalam meraih pengaruh tidak diterima semua pihak termasuklah orang Cina**. Malah, **ancaman keselamatan menjauhkan rakyat tempatan untuk menyokong perjuangan komunis**. Seterusnya, **tindakan British dalam menangani ancaman komunis mendapat kerjasama semua pihak khususnya orang Melayu**. Antaranya memperkenalkan Rancangan Briggs dan mewujudkan Kampung Baru.Selanjutnya, **Undang-undang Darurat yang diumumkan British telah membantu memerangi komunis dan tindakan British menganjurkan Rundingan Baling merupakan langkah bijak bagi mengajak perdamaian**.Akhir sekali, **tawaran pengampunan oleh kerajaan menyebabkan ramai anggota komunis menyerah diri, ini melemahkan pengaruh komunis**.

[8 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 11	Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
S.K	11.1 Usaha Ke Arah Kemerdekaan
S.P	7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka

11. Perkembangan politik antarabangsa dan serantau mempengaruhi gelombang politik di negara kita. Kesedaran politik yang tumbuh diserata tempat mencetuskan idea negara merdeka.

(a) Namakan dua parti politik yang terdapat di negara kita sebelum merdeka.

- (i) **UMNO/ MCA / MIC**
- (ii) **Hizbul Muslimin/ PAS/ IMP**

[2 markah]

(b) Jelaskan matlamat salah satu parti di (a)
Matlamat penubuhan UMNO ialah **UMNO ditubuhkan untuk menyatukan orang Melayu dan mempertahankan hak orang Melayu.** Selain itu, UMNO **mempertahankan kedudukan Raja-raja Melayu .** Seterusnya, UMNO **mempertahankan kedaulatan tanahair dengan menentang Malayan Union.** Selanjutnya, UMNO **memperjuangkan kemerdekaan negara.** MCA pula bermatlamat **menjadikan Tanah Melayu sebuah negara berbilang kaum dengan mengamalkan amalan demokrasi.**Seterusnya, MIC pula mahu **bekerjasama dengan kaum lain untuk memperjuangkan kemerdekaan negara.**

[4 markah]

(c) Teliti petikan akhbar tersebut.

“ Penubuhan parti politik baharu satu keunikan di negara kita” kata Perdana Menteri, Dato Seri Ismail Sabri.

Sumber:utusan.com.my

Jelaskan manfaat pembentukan kepelbagaian parti di negara kita?
Manfaat pembentukan kepelbagaian parti di negara kita ialah pembentukan pelbagai parti politik akan **menyuburkan amalan demokrasi.**Selain itu, rakyat **mempunyai banyak pilihan parti** untuk disokong. Seterusnya, parti-parti **berlumba-lumba memberi perkhidmatan yang terbaik** untuk meraih sokongan. Oleh itu, **pelbagai janji ditabur menggalakkan rakyat membuat keputusan yang bijak.** Selanjutnya, kepelbagaian parti **memperjuangkan agenda politik masing-masing** dengan **menuntut hak untuk kaum masing-masing.**Akhir sekali, **tidak wujud negara hanya satu parti** (parti tunggal).

[4 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 11	Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
S.K	11.1 Usaha Ke Arah Kemerdekaan
S.P	7.3 Sistem Ahli

12. Jadual berikut berkaitan sebahagian portfolio dalam Sistem Ahli.

Sistem Ahli Persekutuan Tanah Melayu 1955
<ul style="list-style-type: none">• Ahli Dalam Negeri• Ahli Hal Ehwal Ekonomi• Ahli Kesihatan• Ahli Pelajaran

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan Sistem Ahli?

Sistem Ahli ialah satu sistem **kabinet bayangan** yang terdiri daripada **pegawai tadbir dan tokoh masyarakat**. Sistem ini **melatih rakyat ke arah berkerajaan sendiri** bagi **mendedahkan rakyat tempatan pengalaman mentadbir**.

[3 markah]

(b) Apakah kesan pembentukan Sistem Ahli?

Kesan pembentukan Sistem Ahli ialah sebuah **kabinet bayangan** telah dibentuk . Sistem ini **dianggotai oleh rakyat pelbagai kaum** yang **mengambil peluang bersama-sama mentadbir negara**. Seterusnya, sistem ini telah **mengukuhkan perpaduan kaum** dalam kalangan rakyat tempatan dan **mempersiapkan rakyat tempatan mencapai kemerdekaan**.

[3 markah]

(c) Sekiranya anda dilantik sebagai anggota Sistem Ahli, nyatakan cara anda menggunakan peluang tersebut untuk kebaikan agama, bangsa dan negara.

Cara saya menggunakan peluang jika menganggotai Sistem Ahli ialah saya akan **mencadangkan Islam dijadikan agama rasmi** dan **agama lain boleh diamalkan tanpa sekatan**. Selain itu, saya akan **menguatkuasakan undang-undang** untuk **memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi**. Seterusnya, saya akan **mewujudkan pelbagai program dan institusi untuk menyebarkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi**. Misalnya, **mewujudkan universiti seperti Universiti Kebangsaan Malaysia**. Selanjutnya, saya akan **mencadangkan institusi beraja dipelihara dan diperkukuhkan** dan **hak keistimewaan orang Melayu diperkasakan** bagi **membalas jasa orang Melayu yang taat dan setia kepada Tanah Melayu**.

[4 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 11	Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
S.K	11.2 Pilihan Raya
S.P	8.2 Proses Pilihan Raya Umum Pertama

13. Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan yang pertama telah diadakan pada tahun 1955 iaitu sebelum merdeka.

- (a) Mengapakah pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 diadakan?

Majlis Perundangan Persekutuan 1955 diadakan kerana **memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)**. Selain itu, pilihan raya tersebut diadakan sebagai **merintis jalan ke arah kemerdekaan**.

[2 markah]

- (b) Jelaskan proses pilihan raya tersebut diadakan?

Proses pilihan raya diadakan bermula dengan penubuhan sebuah **Suruhanjaya Persempadanan** kawasan. Selepas itu, **Rang Undang-Undang diluluskan** bagi menjalankan proses pilihan raya. Kemudian, **pendaftaran pengundi** dan **penamaan calon** diadakan. Setelah itu, **kempen pilihan raya** dijalankan selama 45 hari . Kemudian, **hari mengundi** ditetapkan. Proses seterusnya, **peti undi akan dikira** di pusat mengundi dan **pengumuman keputusan** berlangsung.

[4 markah]

- (c) Teliti jadual berikut

Keputusan Pilihan Raya MPP 1955				
Nama Parti	Bil.calon	Kerusi dimenangi	Undi diperolehi	% undi
Perikatan	52	51	888 013	79.3
Parti Negara	30	0	78909	7.6
PAS	11	1	40667	3.9

Mengapakah calon Parti Perikatan menjadi pilihan rakyat?

Calon Parti Perikatan menjadi pilihan rakyat kerana Parti Perikatan **mewujudkan kerjasama pemimpin** pelbagai kaum. Selain itu, Parti Perikatan **menggambarkan perpaduan kaum**. Seterusnya, Parti Perikatan **menekankan permuafakatan kaum** bagi **mewujudkan keharmonian**. Seterusnya, Parti Perikatan **bertanding di kesemua kerusi yang dipertandingkan**. Kemenangan Parti Perikatan akan **menjadikan parti itu kuat dan politik negara akan stabil**. Selanjutnya, kemenangan parti tersebut kerana **rakyat pelbagai kaum sedar akan kepentingan perkongsian kuasa**.

[4 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 11	Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
S.K	11.2 Pilihan Raya
S.P	8.4 Peranan Kabinet Pertama PTM

14. Kabinet yang pertama Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk selepas pilihanraya.

- (a) Senaraikan **dua** tokoh yang dilantik menganggotai kabinet tersebut?
- **Tunku Abdul Rahman**-Ketua Menteri
 - **Dato' Abdul Razak Husein**-Menteri Pelajaran
 - **Dr.Ismail Abdul Rahman** – Menteri Tanah Galian
 - **H.S Lee** – Menteri Pengangkutan
 - **V.T Sambanthan**- Menteri Buruh

[2 markah]

- (b) Apakah peranan kabinet tersebut?
Peranan kabinet tersebut ialah kabinet tersebut **membincangkan soal kewangan** dan **mengurangkan kuasa pentadbiran British**. Selain itu, kabinet tersebut **menyambung sistem yang diguna pakai dalam MPP yang berasaskan Model Westminster**. Seterusnya, kabinet tersebut **meminta kuasa veto Persuruhjaya Tinggi dibatalkan**.

[4 markah]

- (c) Teliti petikan akhbar berikut.

Penyatuan bangsa dalam pembentukan Kabinet 1955

Sumber:Kosmo, 12 Mei 2018

Ulasakan pernyataan tersebut.

Kabinet Pertama yang **terdiri daripada pelbagai bangsa** menggambarkan **perpaduan kaum** di Tanah Melayu.Selain itu, pembentukan kabinet tersebut **menunjukkan berlakunya perkongsian kuasa antara kaum** bagi **mengukuhkan sistem pentadbiran negara**. Seterusnya, pembentukan kabinet tersebut **menunjukkan kewibawaan anak tempatan menerajui pentadbiran** dengan cekat dan berkesan.Selanjutnya, pembentukan kabinet ini dapat **merancang pembangunan negara** untuk **memberi keselesaan kepada rakyat pelbagai kaum** di negara kita.

[4 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 11	Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
S.K	11.3 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957
S.P	9.3 Langkah Penggubalan Perlembagaan PTM 1957
S.P	9.4 Perjanjian PTM 1957

15. Perjanjian PTM 1957 ditandatangani pada 5 Ogos 1957 dalam usaha membentuk Perlembagaan PTM.

- (a) Mengapakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 dikatakan penting dalam pembentukan negara dan bangsa Malaysia yang merdeka.

Perjanjian PTM 1957 dikatakan penting dalam pembentukan negara dan bangsa Malaysia yang merdeka kerana perjanjian PTM 1957 dapat **membentuk sebuah kerajaan demokrasi dan mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen**. Selanjutnya, perjanjian PTM 1957 dapat **mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat** apabila **semua hak rakyat dilindungi**. Seterusnya, perjanjian PTM 1957 **mewujudkan muafakat nasional dan menggalakkan kermanan dan keharmonian**. Akhir sekali, perjanjian PTM 1957 telah **membebaskan negara tanpa pertumpahan darah**.

[6 markah]

- (b) Bagaimanakah proses penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dibentuk?

Proses penggubalan Perlembagaan PTM dibentuk bermula dengan sebuah **suruhanjaya bebas ditubuhkan yang diketuai oleh Lord Reid dan ahlinya terdiri daripada pakar undang-undang negara Komanwel yang mengkaji sebuah perlembagaan asas negara merdeka**. Antara tugas suruhanjaya tersebut ialah **melindungi kedudukan Raja-Raja Melayu dan memelihara hak keistimewaan orang Melayu serta menjaga kepentingan dan hak kaum lain**. Selanjutnya, suruhanjaya tersebut **menerima 131 memorandum yang dihantar daripada Raja-Raja Melayu, parti politik dan badan bukan kerajaan**. Setelah itu, suruhanjaya tersebut telah **mengkaji dan menerima memorandum tersebut**. Malahan, pelbagai parti politik **memberikan pelbagai reaksi terhadap memorandum tersebut seperti isu kewarganegaraan**. Oleh itu, Tunku Abdul Rahman ke London untuk **membincangkan perkara tersebut dan dibuat pindaan terhadap draf tersebut**.

[6 markah]

SMART TARGET SPM
LAST MINUTES TIPS SEJARAH



- (c) Bagaimanakah cara yang dapat anda lakukan bagi merealisasikan intipati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

Cara yang dapat saya lakukan bagi merealisasikan intipati Perjanjian PTM 1957 ialah saya **menghayati setiap Prinsip Rukun Negara**. Selain itu, saya sentiasa **patuh kepada undang-undang** negara. Seterusnya, saya **menjunjung perlembagaan negara** kerana ia merupakan **undang-undang yang tertinggi** demi **keamanan negara**. Selanjutnya, saya **taat dan setia kepada raja dan negara** demi **kedaulatan negara**. Malah, saya akan **menghargai kemerdekaan** yang ada demi **perpaduan rakyat pelbagai kaum**. Di samping itu, saya **bersikap tolak ansur** dan **hormat-menghormati kaum lain** agar **kemakmuran negara berkekalan**.

[8 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 11	Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
S.K	11.4 Pemasyhuran Kemerdekaan PTM 1957
S.P	10.1 Pengertian Kemerdekaan
S.P	10.3 Detik Pemasyhuran Kemerdekaan Negara

16. Tajuk akhbar berikut mengisahkan kemerdekaan negara dimasyhurkan pada 31 Ogos 1957



- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan merdeka?
Maksud merdeka ialah **bebas daripada cengkaman penjajah** dan **bebas dalam menentukan hala tuju pentadbiran negara**. Selain itu, merdeka merujuk kepada **kedaulatan sesebuah negara**
[2 markah]
- (b) Gambar berikut berkaitan peristiwa ambang merdeka .



Nyatakan peristiwa tersebut?

Peristiwa tersebut ialah **penurunan bendera Union Jack**. Peristiwa itu berlaku pada **malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor**. Bendera tersebut **diturunkan oleh Tahir Abdul Majid dengan diiringi oleh Lagu God Save The Queen**. Penurunan bendera ini sebagai **simbolik berakhirnya pentadbiran British di Tanah Melayu**.

[4 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



- (c) Apakah perasaan anda sekiranya berada dalam majlis tersebut?
Perasaan saya ialah saya sungguh **teruja** kerana **dipenuhi orang ramai yang bersemangat meraikan kemerdekaan negara**. Selain itu, saya **gembira** mendengar **jeritan dan laungan merdeka** bergema dengan kuat. Seterusnya, saya berasa **bangga** kerana negara telah **bebas daripada penjajahan tanpa pertumpahan darah** dan bangga dengan **kewibawaan pemimpin negara yang hadir** apabila **sanggup berkorban untuk kemerdekaan negara**.

[4 markah]

Tajuk 11	Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu
S.K	11.4 Pemasyhuran Kemerdekaan PTM 1957
S.P	10.2 Persediaan Menyambut Pemasyhuran Kemerdekaan Negara
S.P	10.4 Kesan Kemerdekaan Terhadap Negara

17. (a) Terangkan persediaan untuk menyambut kemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu 1957.
Persediaan untuk menyambut kemasyhuran kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 ialah kerajaan menubuhkan **jawatankuasa persediaan fizikal dan sambutan** bagi **memeriahkan sambutan kemerdekaan negara**. Selain itu, **upacara sambutan juga dibuat disetiap negeri**. Seterusnya, **tumpuan upacara ialah pada malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor dan pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka**. Selanjutnya, **Tunku Abd Rahman menyampaikan ucapan dalam Radio Malaya dengan menyeru semua rakyat meraikan hari kemerdekaan dengan meriah**. Malah, Tun Abd Razak **menerangkan aturcara sambutan dalam Radio Malaya**. Persediaan yang dibuat ialah **membina Stadium Merdeka** untuk sambutan kemerdekaan negara dan **menubuhkan Jawatankuasa Pemilihan Lagu Kebangsaan** bagi memilih lagu kebangsaan. **Lagu Negaraku telah dipilih sebagai lagu kebangsaan yang liriknya ditulis oleh Saiful Bahri**. Akhir sekali, **bendera kebangsaan dicipta**.

[6 markah]

- (b) Apakah kesan kemerdekaan terhadap pembangunan negara?
Kesan kemerdekaan terhadap pembangunan negara ialah negara telah mengamalkan **sistem politik Raja Berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen** apabila **jawatan Yang diPertuan Agong diwujudkan sebagai ketua negara**. Selain itu, **rakyat menentukan tampuk pemerintahan negara dengan memilih pemimpin dalam pilihanraya**. Seterusnya, **pentadbiran negara dipimpin anak tempatan yang berbilang kaum dan negara telah diiktiraf sebagai negara merdeka dan berdaulat apabila negara diterima menyertai Pertubuhan Komanwel dan negara diterima sebagai anggota PBB**. Malah, **pelbagai dasar pembangunan ekonomi dilaksanakan seperti Rancangan Malaysia Pertama dan penubuhan FELDA**.

[6 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



(c) Maklumat berikut merupakan sebahagian lirik lagu Keranamu Malaysia.

Buruh, nelayan dan juga petani
Gaya hidup kini dah berubah
Anak-anak terasuh mindanya
Lahir generasi bijak pandai

Pakar IT, pakar ekonomi
Jaguh sukan dan juga jutawan
Berkereta jenama negara
Megah menyusur di jalan raya

Alam cyber teknologi terkini
Kejayaan semakin hampiri
Biar di kota ataupun desa
Kita semua pasti merasa bangga

Keranamu kami mendakap tuah
Keranamu kami bangsa berjaya
Keranamu kami hidup selesa
Limpah budi kemakmuran negara

Keranamu kami bebas merdeka
Keranamu myawa dipertaruhkan
Keranamu rela kami berjuang
Demi bangsa kedaulatan negara

(ulang dari mula)

Keranamu Negara Malaysia
Malaysia...
Terima kasih Malaysia

Jelaskan maklumat yang terdapat dalam petikan lagu tersebut dan apakah kesan seandainya negara kita gagal mencapai kemerdekaan?

Maklumat yang terdapat dalam petikan lagu tersebut ialah negara Malaysia membawa **seribu kenikmatan** kepada kita kerana telah **melahirkan ramai golongan cerdik pandai**. Selain itu, Malaysia **menjadi sebuah negara berdaulat** dan **rakyatnya hidup dengan aman**. Seterusnya, **kemajuan dan kemakmuran ekonomi** menyebabkan **rakyat hidup selesa**. Contohnya, **Malaysia dapat membuat kereta sendiri** seperti **Proton** dan **Perodua**. Malah, **rakyat perlu berkorban** demi **mempertahankan negara yang berdaulat** ini. Kesan sekiranya gagal mencapai kemerdekaan ialah **ekonomi mundur** dan **dikuasai penjajah** dan **rakyat ditindas oleh penjajah asing**. Selain itu, **kekayaan negara dimonopoli kuasa asing** dan **negara mudah diceroboh oleh kuasa barat**. Seterusnya, **imej negara dipandang buruk** oleh negara lain. Malah, **rakyat dikongkong** dan **tiada kebebasan diri**.

[8 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 12	Pengukuhan Kedaulatan Negara
S.K	12.1 Konsep Kedaulatan Negara
S.P	1.1 Konsep Kedaulatan

18. Terdapat perbezaan jenis kedaulatan yang diamalkan dan ia berbeza mengikut bentuk pemerintahan dalam sesebuah negara.

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan kedaulatan?
Kedaulatan bermaksud **kekuasaan tertinggi** dan **kewibawaan sesebuah negara** yang bebas serta **mempunyai hak untuk melaksanakan pemerintahan negara.**

[2 markah]

(b) Nyatakan jenis-jenis kedaulatan ?
Jenis-jenis kedaulatan ialah **kedaulatan tradisional**. Selain itu, **kedaulatan moden**. Seterusnya, kedaulatan undang-undang dan **kedaulatan antarabangsa.**

[2 markah]

(c) Huraikan jenis-jenis kedaulatan di (b)?
Jenis kedaulatan di (b) ialah kedaulatan tradisional yang merujuk kepada **pemerintahan beraja**. Kedaulatan ini **wujud sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka**. Kedaulatan ini diperkukuh oleh **taat setia rakyat**. Kedaulatan undang-undang pula, **rakyat dan kerajaan terikat oleh undang-undang** yang **perlu dipatuhi** bagi **menjamin keadilan** dalam pemerintahan.

[2 markah]

(c) Teliti petikan akhbar tersebut.

Malaysia Prihatin-Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama
Ku Hasnan Ku Halim, 30 Ogos 2020 @ 4.42 pm

Sumber: [bhnews @ bh.com.my](http://bhnews@bh.com.my)

Bagaimanakah kedaulatan ini dapat dikekalkan?
Kedaulatan ini dapat dikekalkan dengan cara **menghalang campurtangan asing** dalam urusan negara. Selain itu, **mempertahankan dan mengekalkan sistem pemerintahan negara** dengan **mengelakkan perbuatan rasuah**. Seterusnya, **menjunjung perlembagaan negara dan Prinsip Rukun Negara**. Selanjutnya, **menghormati pemimpin-pemimpin negara** dan **sentiasa menyokong dasar pembangunan negara**. Akhir sekali, **sentiasa taat kepada Raja dan negara.**


[4 markah]

SMART TARGET SPM
LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 12	Pengukuhan Kedaulatan Negara
S.K	12.2 Perlembagaan Persekutuan
S.P	2.3 Ciri Utama Perlembagaan

19. Rajah berikut berkaitan dengan ciri utama Perlembagaan Persekutuan.



- (a) Apakah ciri tersebut?
X: Ciri moden
Y: Ciri Tradisional

[2 markah]

- (b) Jelaskan salah satu ciri yang terdapat pada (a)?
Salah satu ciri yang terdapat pada (a) ialah **ciri tadisional** . Ciri ini merujuk kepada **pemerintahan beraja** . Sultan menjadi **pemerintah negeri**. Setelah merdeka, konsep beraja **diteruskan dengan raja berpelembagaan**. Jawatan **Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara**.

[4 markah]

- (c) Baca maklumat berikut:

Perlembagaan digubal dengan niat untuk membentuk satu garis panduan umum bagaimana Malaysia harus ditadbir dan diterajui. Satu bentuk undang- undang yang diterima pakai dan harus dihormati tidak kira berapa lama perlembagaan sudah digubal.

Sumber ubahsuai:sinarharian.com.my

Ulaskan maklumat berikut.

Perlembagaan **merupakan asas dan garis panduan pentadbiran negara** dan **undang-undang negara yang digubal perlu diterima pakai dan dihormati oleh segenap lapisan rakyat**. Cara mempertahankan perlembagaan ialah **rakyat perlu menjunjung perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara**. Selain itu, **rakyat perlu patuh dan akur dengan perlembagaan negara**.

[4 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 12	Pengukuhan Kedaulatan Negara
S.K	12.2 Perlembagaan Persekutuan
S.P	2.4 Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963 dan 1965

20. Pindaan perlembagaan yang dilakukan bertujuan untuk menyesuaikan peruntukan negeri baharu ke dalam perlembagaan tanpa mengubah kedudukan negeri sedia ada.

(a) Nyatakan sebab pindaan perlembagaan berikut.

(i) 1963: **Pembentukan Malaysia**

(ii) 1965: **Pemisahan Singapura**

[2 markah]

(b) Apakah perkara yang berkaitan dengan pindaan di (a) i dan ii? Perkara yang berkaitan dengan pindaan di (a) i dan ii ialah perkara yang dipinda pada tahun 1963 ialah berkaitan **pembentukan Malaysia** iaitu perkara yang berkaitan **struktur Mahkamah Atasan** dan pembentukan **Mahkamah Tinggi Borneo**. Selain itu, perkara berkaitan **pewujudan jawatan Yang di-Pertua Negeri**. Perkara yang dipinda pada tahun 1965 ialah berkaitan **pemisahan Singapura dari Malaysia**. Perkara yang dipinda ialah berkaitan **imigresen dan kewangan serta hubungan luar**.

[4 markah]

(c) Berikut merupakan prinsip ketiga Rukun Negara.

Keluhuran Perlembagaan

Apakah kebaikan setiap rakyat menjunjung prinsip tersebut?

Kebaikan setiap rakyat mempertahankan perlembagaan ialah menjadikan **Malaysia kekal sebuah negara berdaulat yang diiktiraf oleh dunia**. Selain itu, **politik negara sentiasa stabil** dan **pentadbiran negara menjadi cekap dan berkesan**. Seterusnya, **perpaduan dari kalangan rakyat yang berbilang kaum erat yang menyebabkan negara kekal aman**. Selanjutnya, **rakyat hidup saling hormat menghormati dan bertoleransi**.

[4 markah]

SMART TARGET SPM
LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 12	Pengukuhan Kedaulatan Negara
S.K	12.3 Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen
S.P	3.1 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja

21. Majlis Raja-raja bermula dengan pembentukan Durbar yang merupakan sebahagian daripada institusi Raja Berperlembagaan di negara kita.

(a) Namakan dua ahli Durbar?

Ahli Durbar terdiri daripada **Raja-raja Melayu** Negeri Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Selain itu, Durbar dianggotai **Residen British** di NNMB dan **Setiausaha NNMB**.

[2 markah]

(b) Jelaskan kedudukan raja-raja Melayu ketika zaman berikut?

(i) Semasa pendudukan Jepun

Semasa pendudukan Jepun **raja-raja Melayu diiktiraf sebagai ketua hal ehwal agama** dan **raja diberikan pencen** serta **diletakkan dibawah pengawasan Gabenor Jepun**.

[2 markah]

(ii) Semasa pengenalan Malayan Union

Semasa pengenalan Malayan Union raja-raja telah **kehilangan kuasa** apabila **kuasa raja telah diambil alih oleh Ratu England** dan **Gabenor telah diberi kuasa mentadbir**. Raja Melayu hanya **berkuasa dalam agama Islam dan adat istiadat Melayu sahaja**.

[2 markah]

(c) Bagaimanakah anda menzahirkan kesetiaan pada prinsip tersebut?

Kesetiaan Kepada Raja dan Negara

Saya menzahirkan kesetiaan kepada Raja dan Negara dengan cara sentiasa **mentaati raja tanpa berbelah bahagi** dan sentiasa **menjunjung prinsip perlembagaan** negara. Selain itu, saya akan **mempertahankan institusi diraja** daripada ditohmah oleh orang asing. Seterusnya, saya **tidak akan mencerca institusi beraja di media sosial**. Selanjutnya, saya akan **menjunjung prinsip Rukun Negara** dan sentiasa **menyanyikan Lagu Negaraku dengan berdiri tegak**. Akhir sekali, saya akan **meraikan sambutan pertabalan dan keputeraan Yang di-Pertuan Agong pada setiap tahun**.

[4 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 12	Pengukuhan Kedaulatan Negara
S.K	12.3 Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen
S.P	3.1 Sejarah dan Kedudukan Institusi Majlis Raja-Raja
S.P	3.3 YDPA dan Raja dalam Perlembagaan Persekutuan

22. Majlis Raja-Raja dan YDPA adalah institusi yang mempunyai kuasa dan menduduki tempat teratas dalam perundangan, pentadbiran dan kehakiman negara.

(a) Jelaskan peranan Majlis Raja-Raja mengikut perlembagaan Persekutuan.

Peranan Majlis Raja-Raja(MRRM) mengikut perlembagaan ialah MRRM berkuasa **memilih YDPA** dan **timbangan YDPA**. Selain itu, MRRM boleh **bersetuju atau tidak setuju sebarang undang-undang yang memerlukan persetujuan mereka**. Seterusnya, MRRM boleh **memberikan nasihat berkaitan pelantikan jawatan tertentu** kepada YDPA. Selanjutnya, MRRM **menjadi Lembaga Pengampunan bagi kes-kes tertentu** dan berhak **memperkenankan perubahan persempadanan negeri** setelah mendapat perkenan negeri berkenaan.

[3 markah]

(b) Terangkan peranan YDPA mengikut perlembagaan berdasarkan bidang kuasa berikut:

(i) Perundangan

Peranan YDPA dalam bidang perundangan ialah YDPA berhak **memperkenankan sesuatu Rang Undang-Undang**. Selain itu, YDPA berkuasa **memanggil Parlimen bersidang** dan berhak **membubarkan Parlimen**. Seterusnya, YDPA merupakan **Ketua Agama Islam di negeri banginda sendiri** dan **di Pulau Pinang**. Selanjutnya, YDPA bertanggungjawab **memelihara kedudukan istimewa orang Melayu** dan **melindungi kepentingan kaum lain**.

[3 markah]

(ii) Eksekutif

Peranan YDPA dalam bidang eksekutif ialah YDPA **mempunyai kuasa eksekutif** dan **bertindak mengikut nasihat Jemaah Menteri**. Selain itu, YDPA berhak **melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri**. YDPA boleh **melantik seorang ahli Parlimen yang mendapat kepercayaan sebilangan besar ahli Parlimen** sebagai Perdana Menteri. Selanjutnya, YDPA **berkuasa melantik jawatan penting** dalam negara seperti pelantikan **Peguam Negara**. Akhir sekali, YDPA menjadi **pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia**.

[3 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



(iii) Kehakiman

Peranan YDPA dalam bidang kehakiman ialah YDPA berkuasa **melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri**. Selain itu, YDPA mempunyai **bidang kuasa pengampunan bagi hal jenayah di Wilayah Persekutuan**. Seterusnya, YDPA **bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan** untuk **mengampunkan dan meringankan hukuman bagi kesalahan yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tentera**.

[3 markah]

(c) Mengapakah sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen perlu dipertahankan?

Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen perlu dipertahankan kerana sistem tersebut dapat **memantapkan pentadbiran negara**. Selain itu, sistem tersebut dapat **menjadi kuasa pengimbang dalam pemerintahan negara** bagi **meredakan pertelingkahan dalam politik**. Seterusnya, **YDPA menjadi ketua utama negara dan merupakan tonggak kedaulatan negara**. Selanjutnya, sistem tersebut perlu dipertahankan bagi **memastikan ketiga-tiga badan iaitu eksekutif, legislatif dan kehakiman dapat berjalan dengan berkesan**. Malahan, sistem tersebut dapat **melindungi kepentingan negara dan rakyat**. Sistem tersebut juga dapat **menjaga hak kepentingan orang Melayu dan dapat melindungi kepentingan kaum lain**. Akhir sekali, sistem tersebut dapat **mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum**.

[8 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 12	Pengukuhan Kedaulatan Negara
S.K	12.4 Sistem Persekutuan
S.P	4.1 Latar Belakang Sistem Persekutuan di Negara Kita
S.P	4.2 Kuasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri

23. Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem Persekutuan.

- (a) Senaraikan negeri yang membentuk Persekutuan 1896.
Negeri Sembilan / Selangor / Perak

[3 markah]

- (b) Jelaskan kuasa Kerajaan Persekutuan.
Kuasa kerajaan Persekutuan ialah **hal ehwal luar**. Selain itu, kerajaan Persekutuan berkuasa dalam bidang **pertahanan** dan **kewangan**.

[3 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan titah Sultan Johor, Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

“ Hubungan baik kerajaan persekutuan dan negeri mestilah dijaga dan dihormati untuk membentuk Malaysia yang aman dan makmur”

Sumber: Astroawani.com

Mengapakah titah tersebut perlu disahut oleh kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri?

Titah tersebut perlu disahut oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri kerana hubungan yang baik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dapat **memudahkan bantuan kewangan** disalurkan. Selain itu, **memudahkan pembangunan negara** dijalankan dengan lancar. Seterusnya, **kebajikan rakyat terjaga** dan **kadar kemiskinan dapat dikurangkan**. Selanjutnya, **jurang antara bandar dan luar bandar dapat dikurangkan**. Di Samping itu, **taraf hidup rakyat dapat ditingkatkan** dengan **melaksanakan pembangunan ekonomi** yang dirancang oleh kerajaan di setiap negeri.

[4 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 13	Pembentukan Malaysia
S.K	13.1 Gagasan Pembentukan Malaysia
S.P	5.3 Reaksi Tempatan dan Negara jiran

24. Tunku Abd Rahman telah mengumumkan pembentukan Malaysia pada 27 Mei 1961. Pembentukan Malaysia ini mendapat reaksi segera daripada pelbagai pihak.

(a) Jelaskan reaksi pihak-pihak berikut:

(i) Sabah dan Sarawak

Reaksi wilayah Sabah dan Sarawak terhadap pembentukan Malaysia ialah Sarawak **menyokong** pembentukan tersebut. Beberapa parti di Sarawak seperti Parti **BARJASA, PANAS dan PESAKA** telah bergabung membentuk **Parti Perikatan Sarawak** yang telah menyokong pembentukan Malaysia. Namun begitu, terdapat beberapa parti yang **menentang** seperti **SUPP dan SNAP**. Kemudian, SNAP telah **menyokong pembentukan Malaysia berdasarkan cadangan daripada Jawatankuasa Setiakawan Malaysia (JSKM)**

[3 markah]

(ii) Singapura

Singapura memberi reaksi **menyokong** pembentukan Malaysia . Parti **Tindakan Rakyat (PAP)** yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew telah memberikan reaksi untuk menyokong pembentukan Malaysia . Selain itu, **golongan pedagang dan pengusaha industri menyokong untuk membuka pasaran lebih luas**. Seterusnya, terdapat juga parti yang **menentang** seperti **Parti Rakyat Singapura** yang menganggap pembentukan Malaysia sebagai **penjajahan bentuk baharu**.

[3 markah]

(b) Bagaimanakah tindakan yang diambil oleh para pemimpin Tanah Melayu untuk menjelaskan pembentukan Malaysia?

Pemimpin Tanah Melayu telah **membentangkan isu pembentukan Malaysia di Dewan Rakyat** dan **mendapatkan sokongan majoriti ahli dewan**. Selain itu, pemimpin Tanah Melayu telah **mengadakan lawatan ke wilayah yang ingin bergabung** . Seterusnya, **menubuhkan Jawatankuasa Setiakawan Malaysia** yang **berperanan untuk menyakinkan penduduk tentang pembentukan Malaysia**. Selanjutnya, menubuhkan **Suruhanjaya Cobbold** bagi **meninjau dan reaksi sokongan rakyat Sarawak dan Sabah**. Akhir sekali, menubuhkan **Jawatankuasa Antara Kerajaan** bagi **merangka perlembagaan untuk melindungi kepentingan rakyat Sarawak dan Sabah**.

[6 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



- (c) Teliti pernyataan tersebut.

Penubuhan Malaysia adalah hasil muafakat semua pihak

Ulaskan pernyataan tersebut.

Ulasan saya ialah Malaysia dibentuk **melalui rundingan dan perbincangan semua pihak**. Pembentukan Malaysia **tanpa melibatkan pertumpahan darah**. Hal ini kerana pelbagai **langkah telah diambil oleh pemimpin wilayah** yang terlibat dengan penggabungan antaranya Kerajaan persekutuan **mengadakan lawatan ke Sabah dan Sarawak** untuk **memberi penerangan**. Selain itu, kerajaan **menubuhkan suruhanjaya bebas** seperti **Suruhanjaya Cobbold** untuk **membuat tinjauan pendapat rakyat Sarawak**. Seterusnya, **Jawatankuasa Setiakawan Malaysia** terdiri daripada **pelbagai kaum** yang mengadakan pertemuan dan rundingan. Di samping itu, **rakyat di Singapura** dibenarkan mengadakan **referendum** untuk **mendapatkan persetujuan rakyat**. Malah, **rakyat di Sabah dan Sarawak** juga telah **menubuhkan gabungan parti** yang **menyokong menyertai Malaysia**. Bukti lain ialah **Tunku Abd Rahman** sendiri turut **bertemu penduduk di Sabah dan Sarawak** untuk **berunding**.

[8 markah]

Tajuk 13	Pembentukan Malaysia
S.K	13.1 Gagasan Pembentukan Malaysia
S.P	5.6 Konfrontasi dan Usaha Menangani

25. Pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 mendapat reaksi pelbagai pihak yang menyokong dan menentang. Pihak yang menentang antaranya ialah Indonesia yang melancarkan Dasar Konfrantasi.

- (a) Mengapakah Indonesia menentang pembentukan Malaysia?
Indonesia menentang pembentukan Malaysia kerana Tunku Abd Rahman **menuduh Indonesia membantu pemberontakan di Brunei** dan **Indonesia menganggap penerusan dasar neokolianisme** yang dirancang British serta pembentukan Malaysia **mengancam kedudukan Indonesia**.

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah kerajaan Malaysia berusaha menangani isu di (a)?
Kerajaan Malaysia berusaha menangani isu di (a) dengan cara menggunakan **pendekatan diplomasi** dengan menggunakan **peranan Kementerian Luar** bagi mengatasi isu ini. Kementerian ini berperanan untuk **mematahkan kempen propaganda Indonesia** dan kementerian ini **mendapatkan sokongan luar**. Selain itu, pemimpin negara kita juga **menghadiri rundingan yang diadakan di Manila** dan Tunku Abdul Rahman sendiri **bertemu dengan Soekarno di Tokyo** untuk **menerangkan tujuan pembentukan Malaysia**.

[4 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



- (c) Gambar berikut merujuk kepada perjanjian penamatan konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia.



Perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia	
Tokoh	Negara
Tun Abdul Razak	Mewakili Malaysia
Adam Malik	Mewakili Indonesia

Mengapakah kedua-dua pihak bersetuju menandatangani perjanjian tersebut?

Kedua-dua pihak bersetuju menandatangani perjanjian tersebut kerana kedua-dua pihak ingin **menamatkan konfrontasi** yang telah **merugikan kedua-dua negara**. Selain itu, perjanjian tersebut dibuat agar **hubungan antara kedua-dua negara dapat dipulihkan** demi **kesejahteraan serantau Asia Tenggara**. Seterusnya, melalui perjanjian ini kedua-dua negara **dapat memajukan ekonomi** mereka secara bersama-sama yang akan **menguntungkan rakyat kedua-dua negara**. Selanjutnya, **kestabilan rantau Asia Tenggara terpelihara** daripada ancaman kuasa-kuasa besar. Akhir sekali, **pertahanan negara kedua-dua negara dapat dipertingkatkan** melalui perjanjian tersebut.

[4 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 13	Pembentukan Malaysia
S.K	13.2 Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia
S.P	6.4 Isu Pembangunan dan Ekonomi

26. Selepas pembentukannya secara rasmi pada 16 September 1963, Malaysia menghadapi pelbagai cabaran dalaman terutamanya di Sarawak dan Sabah.

(a) Jelaskan cabaran tersebut?

Cabaran dalaman terutama di Sarawak dan Sabah ialah cabaran dari segi **pembangunan dan sosioekonomi**. Hal ini kerana **Sabah dan Sarawak mempunyai banyak sumber bahan mentah** namun **negeri itu sukar dimajukan** kerana **penduduknya masih mengamalkan pertanian sara diri**. Selain itu, cabaran dari segi **saiz negeri yang luas dan bentuk muka bumi yang bergunung-ganang serta berhutan tebal**. Seterusnya, negeri tersebut **sukar untuk memajukan sistem pengangkutan dan perhubungan**. Oleh itu, penduduk negeri tersebut masih lagi **bergantung dengan pengangkutan air** terutama penduduk yang **tinggal di kawasan pedalaman dan berhampiran sungai**.

[6 markah]

(b) Bagaimanakah pihak kerajaan menangani cabaran di (a) tersebut?

Pihak kerajaan menangani cabaran di (a) dengan cara **menggalakkan penduduk terlibat dengan pertanian komersial** seperti **tanaman kelapa sawit, koko dan lada hitam secara ladang**. Selain itu, kerajaan menggalakkan **penggunaan kaedah pertanian yang moden** dan **membuka peluang penduduk terlibat dengan industri petroleum**. Seterusnya, kerajaan **membina jalan perhubungan yang menghubungkan bandar dengan kawasan pedalaman** seperti **jalanraya berturap dan lapangan kapal terbang**. Selanjutnya, kerajaan **membina lebih banyak sekolah** terutamanya dikawasan pedalaman untuk **memberi peluang penduduk mendapat pendidikan yang sempurna**

[6 markah]

(c) Teliti maklumat berikut.

Isu pembangunan terutama kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak perlu dilihat kepada saiz negeri itu dan bukan hanya kepada kepadatan penduduk di sesuatu kawasan dan negeri. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata saiz Sabah dan Sarawak yang besar namun dengan kepadatan jumlah penduduk yang rendah berbanding Semenanjung menjadi antara faktor pembangunan di kedua-dua negeri itu agak ketinggalan, berbanding negeri lain kerana keutamaan peruntukan kerajaan biasanya diberikan berdasarkan kadar kepadatan penduduk di sesebuah negeri.

Sumber: Astroawani.com

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Jelaskan maklumat tersebut dan mengapakah kerajaan bersungguh-sungguh menfokuskan pembangunan di luarbandar?

Maklumat tersebut ialah **isu pembangunan kawasan luar bandar yang tidak seimbang** kerana **saiz negeri yang luas berbanding kepadatan penduduk**. Selain itu, **kepadatan penduduk yang rendah menghalang pembangunan dilaksanakan** .

Kerajaan bersungguh-sungguh memfokuskan pembangunan di luar bandar agar rakyat **menikmati kemakmuran dan kemajuan negara**. Selain itu, kerajaan ingin **merapatkan jurang kemajuan antara bandar dan luar bandar** . Seterusnya, **kerajaan inginkan penduduk luarbandar tidak ketinggalan dalam semua aspek** seperti kemudahan asas dan infrastruktur agar penduduk luarbandar mendapat pendidikan yang sama dengan penduduk dibandar.

[8 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 13	Pembentukan Malaysia
S.K	13.2 Cabaran Selepas Pembentukan Malaysia
S.P	6.5 Tragedi Hubungan Antara Kaum

27. Tarikh 13 Mei 1969 tercatat dalam sejarah negara sebagai tragedi nasional yang mencetuskan rusuhan antara kaum.

(a) Jelaskan faktor berlakunya tragedi tersebut?

Faktor berlaku tragedi 13 Mei 1969 kerana berlakunya **ketidakseimbangan dalam ekonomi dan sosial** dalam negara. Selain itu, faktor berlaku disebabkan **keputusan pilihan raya umum 1969** apabila **beberapa parti politik yang menyentuh isu sensitiviti kaum** semasa berkempen. Hal ini menyebabkan **berlaku ketegangan antara kaum**.

[3 markah]

(b) Bagaimanakah kerajaan menangani tragedi berdarah tersebut?

Kerajaan menangani tragedi tersebut dengan cara **mengisytiharkan darurat di seluruh negara**. Hal ini menyebabkan **perlembagaan digantung** dan **Parlimen ditangguhkan**. Selain itu, **pihak polis menguatkuasakan perintah berkurung** dengan **melarang orang ramai keluar daripada rumah**. Selanjutnya, kerajaan **membentuk Majlis Gerakan Negara (MAGERAN)** yang **bertanggungjawab mengawal ketenteraman negara**. Di samping itu, MAGERAN **memfokuskan untuk mengatasi masalah perpaduan dan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum**. Akhir sekali, kerajaan **menapis semua berita bagi memastikan kesahihannya**.

[3 markah]

(c) Mengapakah agenda perpaduan antara kaum sentiasa dititikberatkan oleh kerajaan?.

Agenda perpaduan antara kaum sentiasa dititikberatkan oleh kerajaan supaya keadaan **politik negara sentiasa stabil**. Selain itu, **rakyat hidup dalam keadaan aman dan sejahtera**. Seterusnya, **ekonomi negara berkembang**. Selanjutnya, **semangat perpaduan antara kaum dapat diperkukuhkan**. Malahan, **kedaulatan negara dapat dikekalkan dan imej negara sentiasa dipandang tinggi oleh negara lain**.

[4 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 14	Kemakmuran Negara
S.K	14.1 Membina Kesejahteraan Negara
S.P	7.2 Dasar Pendidikan Kebangsaan
S.P	7.3 BM sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan

28. Pendidikan merupakan saluran terbaik bagi merealisasikan matlamat membina perpaduan kaum dan intergrasi nasional.

(a) Jelaskan laporan-laporan pendidikan berikut:

(i) Laporan Rahman Talib

Laporan Rahman Talib **dipengerusikan oleh Rahman Talib** (Menteri Pelajaran). Laporan ini berperanan **menyemak semula penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956**. Selain itu, laporan ini **membuat cadangan mengekalkan teras sistem pendidikan kebangsaan** untuk **memupuk perpaduan dan intergrasi nasional** dengan **menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada semua peringkat**

[3 markah]

(ii) Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974

Laporan Jawatankuasa Kabinet 1974 berfungsi untuk **mengkaji semula pelaksanaan sistem pendidikan**. Laporan ini **membuat cadangan untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan** dan Bahasa Melayu sebagai **matapelajaran wajib dalam peperiksaan awam**. Selain itu, laporan ini membuat **penegasan kepada pendidikan kerohanian** seperti **Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral** di sekolah.

[3 markah]

(b) Bagaimanakah Bahasa Melayu dapat dijadikan alat perpaduan kaum? **Bahasa Melayu dapat dijadikan alat perpaduan kaum** dengan cara **Bahasa Melayu wajib diajar disemua peringkat sekolah rendah dan menengah**. Selain itu, Bahasa Melayu **dijadikan sebagai matapelajaran wajib lulus dalam peperiksaan awam**. Seterusnya, **penggunaan bahasa Melayu lebih meluas terutamanya diperingkat universiti** seperti di **Universiti Kebangsaan Malaysia**. Selanjutnya, **universiti awam mesti menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu**. Malahan, **Bahasa Melayu ditingkatkan penggunaannya di Parlimen dan dalam mahkamah**. Di samping itu, **kempen cintai bahasa kita dan bahasa jiwa bangsa** telah digerakkan secara meluas oleh kerajaan. Akhir sekali, program **bulan bahasa dan minggu bahasa** juga dilaksanakan diperingkat sekolah.

[6 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



(c) Teliti maklumat berikut.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan semakin tercabar. Penerimaan dan penggunaan bahasa Melayu oleh rakyat jelas amat mengecewakan. Lebih malang lagi bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dalam kalangan penutur bahasa Melayu turut tercabar kedudukannya. Sejak kebelakangan ini bilangan penutur bahasa Melayu sebagai bahasa ibundanya terus berkurangan. Ramai dari kalangan mereka lebih suka dan selesa menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan komunikasi, bahkan ada yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rojak

Sumber ubah suai: bharian.com.my

Beri ulasan anda terhadap maklumat tersebut.

Ulasan saya ialah **kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan semakin tercabar**. Hal ini kerana **penerimaan dan penggunaan bahasa Melayu oleh rakyat jelas amat mengecewakan**. Selain itu, **bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dalam kalangan penutur bahasa Melayu turut tercabar kedudukannya**. Hal ini kerana **ramai dari kalangan rakyat lebih suka dan selesa menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dan komunikasi**. Malahan, ada yang **menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rojak**. Seterusnya, sebagai **rakyat Malaysia kita perlulah berbangga menggunakan bahasa Melayu di mana-mana sahaja**. Hal ini kerana **Bahasa Melayu merupakan bahasa lingua franca pada zaman kegemilangannya terutamanya di zaman Kesultanan Melayu Melaka**. Selanjutnya, **kita janganlah rasa janggal untuk bertutur dalam bahasa Melayu terutamanya dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum**. Akhir sekali, **kerajaan perlu menggerakkan kempen cintai bahasa kerana bahasa adalah jiwa bangsa**.

[8 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 14	Kemakmuran Negara
S.K	14.1 Membina Kesejahteraan Negara
S.P	7.4 Dasar Kebudayaan Kebangsaan

29. Dasar Kebudayaan Kebangsaan dijemakan melalui program Citrawarna Malaysia melibatkan pelbagai kaum dan budaya.

(a) Nyatakan prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK). Prinsip utama DKK ialah DKK **berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau Melayu** . Selain itu, **unsur kebudayaan lain yang sesuai diterima** sebagai elemen penting. Selanjutnya, **Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan DKK**.

[2 markah]

(b) Apakah matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Matlamat DKK ialah **mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara** melalui budaya. Selain itu, DKK bermatlamat **memelihara keperibadian kebangsaan** dan **mempertingkatkan kualiti kehidupan** dengan pembangunan sosioekonomi

[2 markah]

(c) Jelaskan langkah mencapai matlamat di (b). Langkah mencapai matlamat DKK ialah kerajaan **menubuhkan agensi pelaksana** yang **melibatkan semua kementerian** . Contohnya, kerajaan menubuhkan **Kementerian Pelancongan , Kesenian dan Kebudayaan**. Selain itu, kerajaan **mengadakan program Citrawarna Malaysia** yang **melibatkan pelbagai kaum dan budaya**. Seterusnya, kerajaan **mengadakan promosi pelancongan** bagi **memperagakan kebudayaan rakyat Malaysia** . Program ini **diadakan di Dataran Merdeka** pada bulan **Mei** setiap tahun . Oleh itu, **lahir tokoh dan penggiat budaya** seperti **Azah Aziz** . DKK telah **menyumbang kepada proses membudayakan bangsa**. Kesannya, DKK telah **menggalakkan penghasilan karya seni tempatan**.

[2 markah]

(d) Bagaimanakah Dasar Kebudayaan Kebangsaan mampu mewujudkan satu identiti bangsa Malaysia. DKK mampu mewujudkan satu identiti bangsa Malaysia dengan cara **memperkasakan kebudayaan nasional sebagai identiti bangsa**. Selain itu, **menyemarakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan**. Seterusnya, rakyat hendaklah **bersama-sama mempertahankan Perlembagaan Persekutuan** dan **menjunjung setiap prinsip Rukun Negara** sebagai tiang seri negara bangsa. Akhir sekali, **menjadikan sistem pendidikan sebagai alat penyatuan bangsa**.

[4 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 14	Kemakmuran Negara
S.K	14.1 Membina Kesejahteraan Negara
S.P	7.6 Rukun Negara sebagai Tonggak Kesejahteraan Negara

30. Rukun Negara ialah ideologi negara yang dibentuk sebagai sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menyatukan rakyat ke arah perpaduan.

(a) Nyatakan dua prinsip Rukun Negara.

Prinsip Rukun Negara ialah **kepercayaan kepada Tuhan**. Selain itu, **kesetiaan kepada Raja dan Negara**. Seterusnya, **keluhuran Perlembagaan**. Selanjutnya, **kedaulatan undang-undang**. Akhir sekali, **kesopanan dan kesusilaan**.

[2 markah]

(b) Mengapakah Rukun Negara digubal

Rukun Negara digubal kerana berlakunya **peristiwa 13 Mei 1969** apabila berlakunya **tragedi rusuhan antara kaum**. Rukun Negara merupakan **ideologi negara** yang dibentuk untuk **menyatukan rakyat**. Selain tu, Rukun Negara dibentuk untuk **membimbing rakyat ke arah perpaduan**. Seterusnya, Rukun Negara menjadi **prinsip hidup masyarakat**

[4 markah]

(c) Bagaimanakah anda mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian.

Saya mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan harian dengan cara saya **mematuhi ajaran agama** dan sentiasa **mengamalkan nilai-nilai yang baik**. Selain itu, saya **sentiasa hormat pada institusi raja** dan sentiasa **menyokong dasar-dasar kerajaan** serta saya akan **sentiasa berkerjasama memajukan negara** dengan **kepakaran** yang saya ada. Seterusnya, saya **tidak membicarakan isu sensitif** yang akan **menggugat keharmonian kaum**. Malah, saya akan sentiasa **patuh terhadap undang-undang**.

[4 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 14	Kemakmuran Negara
S.K	14.2 Membina Kemakmuran Negara
S.P	8.1 Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB)
S.P	8.2 Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB)

31. Dasar Ekonomi Baru(DEB) dilaksanakan dalam tempoh 20 tahun bermula 1970 hingga 1990.

(a) Apakah tujuan dasar ini diperkenalkan?
Tujuan dasar ini diperkenalkan adalah bagi **memulihkan ketidakseimbangan sosioekonomi** yang wujud antara kaum dan antara wilayah serta antara kawasan dalam wilayah yang sama. Selain itu, dasar ini bertujuan **mencapai perpaduan dan kesejahteraan antara kaum.**

[2 markah]

(b) Apakah peranan penubuhan agensi berikut:
(i) Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil (RISDA)
RISDA ditubuhkan untuk memberi **bantuan modal dan pinjaman** kepada pekebun kecil dan **memberi khidmat nasihat** serta **memberi bantuan** seperti **anak benih, baja dan racun** untuk tanam semula kepada pekebun kecil.

[2 markah]

(ii) Lembaga Padi dan Beras Negara (BERNAS)
BERNAS berperanan **mengawal selia sektor padi dan beras negara.** Selain itu, BERNAS berperanan **menstabilkan harga padi .**

[2 markah]

(c) Teliti pernyataan akhbar berikut.

KUALA LUMPUR: Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah polisi inklusif yang pertama diwujudkan dengan matlamat membasmi kemiskinan, progresif, dinamik dan selaras dengan hak asasi manusia.

Sumber: bharian.com.my

Adakah wajar DEB diteruskan pelaksanaannya?
DEB wajar diteruskan pelaksanaannya kerana DEB berjaya **menurunkan kadar kemiskinan masyarakat luar bandar.** Selain itu, **taraf hidup masyarakat luar bandar berjaya ditingkatkan.** Seterusnya, penduduk luar bandar **mendapat peluang pekerjaan yang baik.** Selanjutnya, **muncul lebih ramai golongan pertengahan yang berpendapatan sederhana dan pelbagai kemudahan asas berjaya ditingkatkan** di kawasan luar bandar **seperti bekalan air, elektrik dan jalan raya**

[4 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 14	Kemakmuran Negara
S.K	14.2 Membina Kemakmuran Negara
S.P	8.4 Pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)
S.P	8.5 Pencapaian DEB dan DPN

32. Dasar Pembangunan Nasional telah dilancarkan oleh Tun Dr Mahathir pada 17 Jun 1991 bagi meneruskan kesinambungan DEB.

- (a) Bagaimanakah pelaksanaan strategi dasar tersebut?
Pelaksanaan strategi DPN ialah DPN menggunakan strategi yang **merangkumi bidang ekonomi, sosial dan pembangunan fizikal**. Selain itu, DPN **melibatkan pihak swasta secara aktif dalam pembangunan negara**. Seterusnya, DPN memacu **perkembangan sains dan teknologi** dengan **memperkenalkan pertanian pintar** untuk **meningkatkan hasil pertanian**. Selanjutnya, DPN **meningkatkan pemilikan saham dalam kalangan bumiputera** dan **memberikan intensif serta kemudahan kepada semua masyarakat tanpa mengira kaum**. Di samping itu, DPN **membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif**. Akhir sekali, DPN **menyediakan dan menambahkan kemudahan asas yang lebih baik**.

[6 markah]

- (b) Terangkan kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara?
Kejayaan DEB dan DPN ialah kedua-dua dasar tersebut berjaya **menurunkan kadar kemiskinan dalam negara apabila kerajaan telah mempelbagaikan sumber ekonomi** telah **memberi peluang pekerjaan yang banyak** sekaligus **menambah pendapatan rakyat** dan **meningkatkan taraf hidup rakyat** terutamanya **golongan berpendapatan rendah**. Kesannya, **kualiti hidup rakyat bertambah baik**. Seterusnya, **taraf kesihatan yang lebih baik berjaya ditingkatkan** melalui **penyediaan kemudahan kesihatan yang banyak dan baik** seperti **lebih banyak hospital dan klinik dibina di seluruh negara**. Selanjutnya, **kemunculan golongan pertengahan yang terdiri daripada tenaga profesional negara** yang **membantu merencanakan pertumbuhan ekonomi** seperti **golongan arkitek, jurutera** yang dapat **memberi sumbangan yang besar kepada pendapatan dan kemakmuran negara**.

[6 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



(c) Teliti poster tersebut.

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

PEMBANGUNAN UNTUK SEMUA
(MENSTRUKTUR EKONOMI)

Menstruktur semula ekonomi yang lebih progresif berpaksikan ilmu & bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat

MENANGANI JURANG KEKAYAAN & PENDAPATAN (MENANGANI KETIDAKSAMAAN)

Menyediakan taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat pada 2030

NEGARA BERSATU, MAKMUR & BERMARUAH
(MEMBINA NEGARA)

Menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia

Sumber : **BERNAMA** #KitaMalaysia

@JPenerangan Japenmalaysia Jabatan Penerangan Malaysia Jabatan Penerangan Malaysia

Jelaskan maklumat dalam poster tersebut

Maklumat yang terdapat dalam poster ialah **dasar Wawasan Kemakmuran Bersama 2030** diperkenalkan oleh kerajaan. Dasar ini bermatlamat untuk **menstruktur ekonomi negara dengan lebih progresif dengan cara meningkatkan ilmu kepada rakyat pelbagai kaum**. Selain itu, dasar ini bermatlamat untuk **mengatasi jurang kekayaan dan pendapatan antara rakyat bandar dan luar bandar**. Hal ini kerana jika perkara tersebut tidak diatasi ia akan **membawa kesan yang buruk kepada negara**. Oleh itu, dasar ini perlu **meningkatkan taraf hidup rakyat menjelang 2030 dengan melaksanakan pelbagai dasar pembangunan ekonomi**. Seterusnya, dasar ini juga **membina negara yang bersatu, makmur dan bermaruah**. Hal ini bertujuan untuk **membangkitkan semangat rakyat Malaysia menjadi kuasa ekonomi di Asia** setanding dengan negara-negara lain. Kesannya, **imej negara dipandang tinggi dan ekonomi negara sentiasa berkembang maju**.

[8 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 15	Malaysia di Persada Dunia
S.K	15.1 Asas Pembinaan Dasar Luar Malaysia
S.P	9.1 Latar Belakang Dasar Luar Malaysia

33. Sejarah hubungan luar dinegara ini bermula sejak zaman kerajaan-kerajaan Melayu dan semakin jelas melalui hubungan yang dijalin di zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(a) Namakan pihak asing yang mempunyai hubungan diplomatik dengan Kesultanan Melayu Melaka?

China/ Ryukyu / Siam / Pasai

[2 markah]

(b) Apakah kepentingan hubungan luar tersebut terhadap Kesultanan Melayu Melaka

Kepentingan hubungan luar terhadap Kesultanan Melayu Melaka ialah hubungan luar membantu Melaka **muncul sebagai pusat perdagangan antarabangsa**. Selain itu, melalui hubungan luar membolehkan **Melaka muncul sebagai pusat penyebaran Islam** di rantau nusantara. Seterusnya, hubungan luar **menjamin keselamatan Melaka** dan **menjaga kemakmuran** Melaka.

[4 markah]

(c) Teliti maklumat tersebut.

PUTRAJAYA: Kerajaan sekali lagi mengulangi pendirian rasmi negara yang tidak akan sesekali menjalinkan hubungan diplomatik dengan rejim Israel. Jaminan tersebut disuarakan sendiri oleh Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah dalam perutusan khas beliau bersempena memperingati ulang tahun ke-74 Hari Nakbah semalam.

Sumber: utusan.com.my

Mengapakah Malaysia mengambil keputusan untuk tidak mengadakan hubungan bilateral dengan Israel ?

Malaysia mengambil keputusan untuk tidak mengadakan hubungan bilateral dengan Israel kerana **negara Israel merampas tanah rakyat Palestin** . Selain itu, bangsa Israel **merupakan bangsa yang zalim** dan **bertindak membunuh rakyat Palestin** yang tidak berdosa. Seterusnya, mereka telah **merampas dan mencemari kesucian Masjidil Aqsa** dan mereka **bertindak melanggar undang-undang antarabangsa**. Akhir sekali, **mereka melakukan jenayah perang**.

[4 markah]

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 15	Malaysia di Persada Dunia
S.K	15.1 Asas Pembinaan Dasar Luar Malaysia
S.P	9.2 Asas Penggubalan Dasar Luar Negara
S.P	9.6 Malaysia dalam ASEAN

34. Malaysia menjalin hubungan luar dengan banyak negara di dunia demi kepentingan politik dan ekonomi serta keamanan sejagat.

- (a) Jelaskan faktor penggubalan dasar luar Malaysia?
Faktor penggubalan dasar luar Malaysia ialah dasar luar digubal berdasarkan **faktor ikatan sejarah** antara negara serantau. Contohnya, **hubungan Malaysia dengan Indonesia, Singapura dan China**. Selain itu, **faktor keagamaan**. Contohnya, **Malaysia dengan Arab Saudi dan Turki**. Seterusnya, **faktor keperluan nasional** untuk **menjaga kedaulatan negara**. Contohnya, **Malaysia menjalin hubungan dengan banyak negara** seperti **blok komunis China dan Rusia** dan **mengamalkan dasar berkecuali**.

[6 markah]

- (b) Terangkan peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam pertubuhan ASEAN?
Malaysia memainkan peranan dalam pertubuhan ASEAN dengan **mencadangkan rantau ASEAN sebagai Zon Aman Bebas dan Berkecuali(ZOPFAN)**. Selain itu, **Malaysia mendapatkan pengiktirafan daripada kuasa besar Amerika dan Rusia**. Seterusnya, **Malaysia terlibat dalam menyelesaikan konflik serantau** seperti **konflik yang berlaku di Vietnam dan Kemboja**. Selanjutnya, Malaysia **tidak campurtangan dalam perang di Vietnam** bahkan Malaysia **menerima dan membuka petempatan pelarian perang Vietnam di Pulau Bidong, Terengganu**. Malaysia juga **menyertai misi pengaman PBB (Misi UNTAC)**. Peranan lain Malaysia **mengadakan kerjasama ekonomi dengan memulakan Projek Industri ASEAN yang berjaya mengeluarkan baja urea di Malaysia**.

[6 markah]

- (c) Teliti maklumat berikut

PUTRAJAYA: Malaysia bertekad memainkan peranan penting sebagai anggota ASEAN dalam pembangunan, ekonomi, sosiobudaya, keselamatan dan politik. Malaysia juga akan sentiasa berusaha memperkukuhkan hubungan bersama negara tetangga berteraskan semangat MADANI dan gagasan ASEAN. Seterusnya, penyertaan Malaysia dalam Sidang Kemuncak ASEAN ke-42 dan mesyuarat berkaitan menunjukkan komitmennya terhadap kerjasama serantau, memupuk keamanan, kestabilan dan kemakmuran di Asia Tenggara. Malah, sidang Kemuncak ASEAN ke-42 dan mesyuarat berkaitan akan menjadi peluang bagi Malaysia untuk berkongsi dan bertukar pandangan dalam pelbagai isu, termasuk usaha pembinaan komuniti ASEAN

Sumber ubah suai: bharian.com.my

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Jelaskan maklumat yang terdapat maklumat tersebut dan kepentingan Malaysia memainkan peranan yang signifikan dalam ASEAN?

Maklumat yang terdapat dalam maklumat tersebut ialah Malaysia berjanji akan berperanan **dalam membangunkan ekonomi, sosiobudaya, menjaga keselamatan dan mengukuhkan politik ASEAN**. Selain itu, **Malaysia akan mengukuhkan hubungan dengan negara ASEAN berteraskan semangat MADANI dan ASEAN**. Seterusnya, **Malaysia akan menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN ke-42 sebagai komitmennya terhadap kerjasama serantau**. Selanjutnya, **Malaysia akan bersama-sama negara ASEAN akan mengukuhkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran rantau Asia Tenggara**.

Kepentingan Malaysia memainkan peranan yang signifikan dalam ASEAN ialah **ekonomi Malaysia akan meningkat**. Hal ini kerana **Malaysia akan menjadi rakan dagang yang utama kepada negara-negara ASEAN**. Contohnya, **Malaysia berdagang dengan negara ASEAN lain seperti Singapura, Indonesia dan Vietnam**. Seterusnya, **keselamatan negara terjamin**. Hal ini kerana **rantau Asia Tenggara tidak berlaku peperangan dan konflik yang tercetus**. Selanjutnya, **peranan yang dimainkan oleh pemimpin negara diiktiraf oleh pemimpin negara ASEAN yang lain**. Contohnya, **Malaysia menjadi perantara dalam menyelesaikan konflik di negara-negara ASEAN**

[8 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Tajuk 15	Malaysia di Persada Dunia
S.K	15.3 Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia
S.P	10.1 Malaysia dalam Isu Global Kontemporari

35. Peta berikut menunjukkan pertindihan sempadan antara Malaysia dengan beberapa negara serantau berkaitan dengan Kepulauan Spartyly.



- (a) Nyatakan dua negara yang terlibat dalam isu tuntutan kepulauan tersebut

China/ Vietnam / Brunei / Filipina

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah Malaysia menangani isu tuntutan tersebut?

Malaysia menangani isu tuntutan tersebut ialah Malaysia **mula menuntut semenjak tahun 1979 dengan memasukkan kepulauan ini ke dalam wilayah Malaysia**. Selain itu, Malaysia **membangkitkan isu Spratly dalam forum ASEAN-China** pada tahun 1995. Seterusnya, Malaysia **membawa isu ini ke mahkamah antarabangsa** untuk diadili. Selanjutnya, Malaysia **mengadakan dialog dengan beberapa negara yang menuntut** seperti **pertemuan Perdana Menteri Malaysia dengan Presiden China yang berdialog tentang isu tuntutan ini**.

[4 markah]

- (c) Teliti pernyataan akhbar tersebut

PERTIKAIAN Amerika Syarikat (AS) dan China berhubung isu di Laut China Selatan, semakin memuncak apabila AS menggerakkan kapal pemusnah tentera lautnya dalam lingkungan 12 batu nautika (22 kilometer) dari salah satu pulau buatan China di Kepulauan Spratly. Sebelum itu, wujud pertikaian antara keduanya mengenai isu kepulauan itu sehingga menyebabkan deklarasi bersama yang sepatutnya ditandatangani di akhir Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN Plus (ADMM Plus), antara ASEAN dan China terpaksa dibatalkan.

Sumber: bharian.com.my

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



Sebagai pemimpin negara ASEAN, bagaimanakah cara untuk menangani isu tersebut supaya tidak mencetuskan konflik yang lebih besar?

Sebagai pemimpin ASEAN cara saya menangani isu tersebut ialah saya akan **membawa isu tersebut ke pengetahuan PBB** agar **diselesaikan secara diplomatik**. Selain itu, saya **mengadakan pertemuan dengan pemimpin negara yang terlibat untuk berbincang** bagi mencari jalan penyelesaian secara damai. Seterusnya, saya akan **membawa isu tersebut ke Sidang Kemuncak Negara ASEAN** bagi mendapatkan pandangan ketua-ketua negara ASEAN . Selanjutnya, **saya akan membawa isu tersebut ke mahkamah antarabangsa** bagi mendapatkan pengadilan terhadap isu tersebut. Akhir sekali, saya akan **menyelesaikan isu tersebut tanpa kekerasan** dengan menggunakan saluran perundingan agar rantau Asia Tenggara sentiasa aman.

[4 markah]

Tajuk 15	Malaysia di Persada Dunia
S.K	15.3 Kecemerlangan Malaysia di Persada Dunia
S.P	10.3 Penglibatan Rakyat dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan

36. Gambar berikut berkaitan penglibatan NGO Malaysia dalam isu kemanusiaan dan keamanan dunia.

AmanPalestin
aid for freedom

TABUNG PALESTIN

Telah dilancarkan secara rasmi oleh:
DYMM Seri Paduka Baginda
Yang di-pertuan Agong
pada 8 September 2009

	12029010047880
	562263010787
	12070005133717
	21245760004907
	8600460353
	220806195922
	103001881110858

www.amanpalestin.net | Aman Palestin Official

SMART TARGET SPM LAST MINUTES TIPS SEJARAH



- (a) Jelaskan penglibatan NGO Malaysia dalam isu kemanusiaan berikut:
- (i) Isu Palestin
Semua Perdana Menteri Malaysia **memperjuangkan isu Palestin**. Hal ini kerana **Malaysia tidak bersetuju dengan rejim zionis yang melakukan pembunuhan dan kekejaman di Palestin**. Seterusnya, Malaysia **menyuarakan isu ini dipersidangan PBB** dan juga **mendesak negara-negara Arab dan OIC memutuskan hubungan dengan Israel**. Penglibatan pelbagai NGO Malaysia yang aktif dalam membantu isu kemanusiaan. Contohnya, **Aman Palestin, Cinta Gaza Malaysia dan Muslim Care**. Mereka mengadakan kutipan tabung derma Palestin, menghulurkan bantuan kemanusiaan.
- [3 markah]
- (ii) Isu Syria
Krisis politik di Syria pada tahun 2011 telah menyebabkan rakyat Syria mengalami kesengsaraan. Misalnya, rakyat Syria mengalami kekurangan makanan. Oleh itu, **pelbagai NGO tampil memberi bantuan seperti Organization Humanitarian Care Malaysia (MyCare)**. NGO ini merupakan gabungan 6 buah NGO kemanusiaan yang **menyalurkan pelbagai bantuan kepada pelarian Syria dalam aspek pendidikan, kesihatan, kebajikan**. Selain itu **Cinta Syria Malaysia (CSM)** yang **memberikan bantuan kemanusiaan kepada pelarian Syria** yang berada di Turki, Lubnan dan Malaysia. NGO ini **menubuhkan 'Sekolah Kita'**.
- [3 markah]
- (b) Bencana alam seperti tsunami yang memusnahkan Aceh dan Sri Lanka pada tahun 2004 menarik perhatian Malaysia.
Jelaskan peranan NGO Malaysia dalam membantu mangsa bencana tersebut.
NGO Malaysia yang membantu mangsa bencana tsunami ialah **Malaysia Medical Relief Society/ MERCY di Malaysia**. NGO ini memberikan **bantuan perubatan dan membina semula pusat kesihatan komuniti** di Aceh. Selain itu, NGO ini **membangunkan infrastruktur di Sri Lanka dan membina sekolah dan jambatan bagi kemudahan penduduk**. Seterusnya, **Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)**. NGO ini **memberi bantuan kemanusiaan di Aceh dan mendirikan sekolah dan rumah perlindungan bagi anak yatim mangsa tsunami di Bandar Aceh**. Selanjutnya, **Yayasan Restu**. NGO ini **memberikan pendidikan percuma kepada warga Aceh dan membangunkan rumah anak yatim di kawasan Babun Najah**.
- [6 markah]

SMART TARGET SPM

LAST MINUTES TIPS SEJARAH



(c) Teliti pernyataan tersebut.

Isu Palestin bukan semata-mata pertembungan antara agama, tetapi ia isu kemanusiaan sejagat. Sudah berpuluh-puluh tahun lamanya rakyat Palestin dinafikan hak mereka untuk menduduki tanah air sendiri. Dunia juga mengetahui hasil penindasan kuasa besar menempatkan Israel di Palestin berdasarkan Deklarasi Belfour pada 1917 dan akhirnya menjajah setiap inci tanah Palestin. Sebagai negara menjadikan Islam sebagai agama rasmi, Malaysia menjalinkan hubungan erat dengan negara Islam. Komitmen dan keutamaan terhadap hubungan dengan negara Islam sebagai satu daripada asas hubungan luarnya. Bermula dari era Tunku Abdul Rahman hingga pemerintahan sekarang, Malaysia sentiasa berperanan aktif dalam usaha mencari penyelesaian adil dan berkekalan dalam menangani konflik Israel-Palestin ke arah mewujudkan negara Palestin berdaulat serta merdeka. Malaysia secara terbuka dan lantang memperjuangkan hak asasi rakyat Palestin. Sejak 1960-an lagi, Malaysia mengambil langkah proaktif mempertahankan kedaulatan Palestin.

Sumber ubah suai: bharian.com.my

Jelaskan maklumat dalam pernyataan tersebut dan berikan komen anda.

Maklumat yang terdapat dalam pernyataan tersebut ialah **isu Palestin merupakan isu kemanusiaan sejagat**. Hal ini kerana **rakyat Palestin dinafikan haknya untuk tinggal di tanahairnya sendiri**. Selain itu, **kuasa besar telah melaksanakan penindasan dengan merancang untuk memberikan kawasan tersebut kepada Israel bagi diduduki melalui Deklarasi Belfour**. Kesannya, **negara Palestin telah dijajah oleh Israel**. Seterusnya, **Malaysia sebagai sebuah negara Islam telah mengadakan hubungan yang erat dengan negara Islam**. Semasa pemerintahan Tunku Abdul Rahman hingga kini **Malaysia sentiasa berperanan aktif dalam mencari penyelesaian yang adil bagi mengatasi konflik Israel-Palestin**. Malah, **Malaysia sentiasa lantang dan prokatif mempertahankan kedaulatan negara Palestin**.

Komen saya ialah **Malaysia sentiasa membawa isu Palestin di forum antarabangsa bagi mengecam tindakan kejam Israel terhadap rakyat Palestin**. Selain itu, **Malaysia menghulurkan bantuan kepada rakyat Palestin dengan menggunakan bantuan daripada NGO Malaysia seperti Aman Palestin**.

Smart Target Tamat